

•=" # •<-

&Parlimen

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT PARLIMEN
KEDUABELAS 2011

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab Lisan
Harian Yang Tidak Dapat Dijawab Dalam Dewan
Rakyat Daripada Kementerian**

HARIISNIN : 24 OKTOBER 2011

CAWANGAN
PERUIMDAIMGAN PARLIMEN
MALAYSIA.

SOALAN NO: 1

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	JAWAB LISAN
DARI PAD A	DATO' LILAH BIN YASIN [JEMPOL]
TARIKH	24 OKTOBER 2011 (ISNIN)

SOALAN:

Dato' Lilah Bin Yasin [Jempol] minta MENTERI PENERANGAN,
KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan:-

- a) apakah perancangan Kementerian bagi mengekalkan warisan kampung-kampung Melayu lama, meningkatkan infrastruktur, warisan sejarah dan tradisi komuniti; dan
- b) apakah perlindungan undang-undang bagi memelihara agar kewujudan kampung-kampung Melayu berkekalan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Secara dasarnya, pihak Kementerian ini melalui Jabatan Warisan Negara sedang berusaha menyelamatkan khazanah warisan negara sebaik mungkin. Usaha ini akan berjalan secara berterusan dari semasa ke semasa termasuk melindunginya di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005, membuat

SOALAN NO: 1

pendokumentasian, melaksanakan kerja-kerja konservasi dan lain-lain.

Namun begitu, ia akan dilaksanakan setelah kajian dan penyelidikan dijalankan yang mendapati ia berciri warisan serta memenuhi kriteria-kriteria seperti yang telah dinyatakan pada Seksyen 67(2), Akta Warisan Kebangsaan 2005.

- b) Secara umumnya, akta yang diguna di bawah Kementerian ini adalah Akta Warisan Kebangsaan 2005 yang mana ia memastikan pemeliharaan dan perlindungan khazanah warisan negara termasuk kampung-kampung Melayu yang memenuhi kriteria seperti yang dinyatakan dalam Seksyen 67(2) dalam Akta tersebut.

SOALAN NO: 2

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA : Y.B. TUAN LIM UP ENG :
[SEGAMBUT]
PERTANYAAN : LISAN :
TARIKH :
SOALAN 24/10/2011

Y.B. TUAN LIM LIP ENG [SEGAMBUT] minta MENTERI KEWANGAN menyatakan rasional pengeluaran siri ketiga duit syiling dan siri keempat wang kertas baru Malaysia, kosnya masing-masing, siapa pembekal dan di mana ia diperbuat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Bank Negara Malaysia memperkenalkan duit syiling baru siri ketiga dan wang kertas baru Malaysia siri keempat sebagai satu usaha berkala untuk memperkukuhkan ciri-ciri keselamatan terkini bagi menangani ancaman pemalsuan mata wang. Di samping itu, duit syiling dan wang kertas baru juga diperkenalkan dengan reka bentuk yang lebih menarik, mesra pengguna dan beridentitikan keunikan Malaysia.

2. Bank Negara Malaysia dijangka akan dapat menjimatkan kos pengeluaran duit syiling dalam anggaran 49% setahun bagi pengeluaran duit syiling siri ketiga.

Ini kerana Bank Negara Malaysia menggunakan logam asas yang dipilih, teknologi penempaan dan spesifikasi teknikal yang lebih baik daripada siri-siri duit syiling terdahulu. Ini berdasarkan anggaran harga-harga logam di pasaran antarabangsa pada Oktober 2009 semasa kajian duit syiling baru dilakukan.

3. Pelantikan pembekal-pembekal mata wang siri baru ini adalah melalui proses penilaian tender terbuka, sejajar dengan amalan biasa bagi semua kontrak pembekalan dan percetakan mata wang. Untuk makluman Yang Berhormat, semua kontrak bekalan mata wang siri baru ini telah ditenderkan kepada syarikat- syarikat pencetak wang kertas antarabangsa yang mempunyai reputasi tinggi dan berwibawa. Pembekal-pembekal yang telah dipilih bagi tender ini adalah seperti berikut:

- (i) kontrak bekalan duit syiling kosong ialah Poongsan Corporation, Korea. Duit syiling kosong tersebut kemudiannya ditempa di Kilang Wang Bank Negara Malaysia, Shah Alam; dan
- (ii) kontrak bekalan wang kertas siri baru ialah Crane AB, Sweden, Giesecke & Devrient GmbH, German, Oberthur Technologies, Perancis dan Orell Fussli, Switzerland.

SIDANG DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA, PENGGAL
KEEMPAT, PARLIMEN KEDUA BELAS (2011)

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

TUAN HAJI MATULIDI BIN HAJI JUSOH
[DUNGUN]

TARIKH 24 OKTOBER 2011

SOALAN 3

minta MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI menyatakan :

- a) jumlah ciptaan yang telah dihasilkan semenjak Kementerian ditubuhkan; dan
- b) berapakah jumlah ciptaan yang memberikan impak secara langsung terutamanya kepada golongan petani, penternak dan nelayan

JAWAPAN :

Tuan Yang Di Pertua,

Bagi menjawab soalan (A), antara bidang kuasa Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) adalah pengurusan dana, program kesedaran serta penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam bidang sains dan teknologi. Sehubungan itu, proses pengumpulan data MOSTI adalah berdasarkan projek di mana outputnya adalah penghasilan prototaip, harta intelek, penerbitan hasil penyelidikan dan pembangunan modal insan.

Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelapan (RMKe-8) dan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9), sebanyak 7,098 projek telah diluluskan dan 2,294 berpotensi untuk dikomersilkan. Hasil penjualan bernilai RM7.1 bilion telah diperolehi dari 540 projek yang telah dikomersilkan. Sebanyak 2,550 harta intelek yang terdiri dari paten, hak cipta, cap dagangan dan reka bentuk perindustrian telah dihasilkan dari penyelidikan-penyelidikan yang telah dijalankan dalam tempoh tersebut.

Tuan Yang Di Pertua,

Bagi menjawab soalan (B), dalam RMKe-9 di bawah pembiayaan dana MOSTI, sebanyak RM115.9 juta bagi 318 projek telah diluluskan khas untuk **sektor pertanian** yang turut merangkumi sektor perikanan dan penternakan.

Sektor pertanian boleh dibahagikan kepada beberapa peringkat seperti berikut:

(i) **Pembenihan**

Teknologi kultur tisu telah dijalankan oleh MARDI bersama beberapa syarikat. Teknologi ini mampu menghasilkan banyak anak pokok daripada induk yang sihat dan mempunyai baka yang baik. *Precision Agriculture* yang dihasilkan oleh MIMOS Berhad merupakan satu siri *platform* teknologi bagi industri pertanian yang dapat meningkatkan kualiti dan produktiviti bersama dengan pengurusan rantai penawaran ekosistem yang efektif.

(ii) **Penjagaan tanaman, pencegahan penyakit dan makhluk perosak**

MOSTI melalui MARDI telah menghasilkan beberapa produk seperti racun perosak berasaskan mikroorganisma yang mampu mengawal penularan kumbang *Oryctes rhinoceros* di ladang kelapa sawit. Beberapa jenis baja bio-organik yang menyuburkan tanah juga telah dihasilkan seperti *Green Wizzard Probiotic Plant Nutrient* yang menggunakan enzim untuk menyuburkan tanah secara semulajadi.

(iii) **Penuaian**

MOSTI melalui Syarikat Jariz Technology Sdn. Bhd. telah membangunkan *Motorised Cutter* bernama CANTAS™ dan *Motorised Chisel* (Ckat™) yang digunakan untuk memetik buah kelapa sawit dan juga mencantas pelepah kelapa sawit.

(iv) **Pemasaran**

MIMOS Berhad telah memperkenalkan Portal **agribazaar.com.my** yang merupakan portal e-pemasaran yang diwujudkan bagi tujuan mempromosi perdagangan di antara pengeluar dan pembeli hasil pertanian.

Sektor perikanan biasanya dikategorikan kepada sektor tangkapan ikan marin dan sektor akuakultur. Sektor marin boleh dipecahkan kepada sektor perikanan laut pantai dan perikanan laut dalam. Manakala sektor perikanan darat iaitu sektor yang menghasilkan tangkapan dari perairan darat dikategorikan di bawah sektor akuakultur dan dibahagikan kepada ternakan air tawar dan ternakan air payau.

Di antara kejayaan dan manfaat di sektor perikanan adalah seperti berikut:

(i) **Pembenihan dan pembiakan anak ikan**

R&D yang dijalankan adalah untuk mendapatkan benih anak ikan yang baik dan menjamin kelestarian pembiakan ikan. Sebagai contoh, Program Latihan Pembiakan Ikan Kelah merupakan salah satu inisiatif inovasi MOSTI dalam memberi bimbingan dan latihan dari segi teknik pembiakan ikan, dan menerapkan teknologi tersebut ke dalam sistem tagal.

(ii) **Pemuliharaan sumber hidupan laut**

MOSTI melalui agensinya SIRIM Berhad, telah melancarkan program penanaman atau melabuhkan tukun tiruan di bawah Program Aplikasi Teknikal (TAPMOSTI@COMMUNITY).

(iii) **Pemprosesan dan pemasaran**

MOSTI telah membangunkan pusat pelbagai guna bagi pemprosesan hasil laut di Kg. Tanjung Batu Laut, Kota Marudu, Sabah.

Teknologi lain yang dihasilkan adalah seperti teknologi pembekuan ikan talapia yang dikenali sebagai *Frozen Tilapia and restructured fish fillet*, peralatan bagi penternak rumpai laut iaitu *SeaHook, SeaCut, SeaLock*. **Sistem Terbantu Suria** pula telah dihasilkan untuk mengoptimumkan proses pengeringan hasil laut.

Di antara kejayaan dan manfaat di **sektor penternakan** pula adalah seperti berikut: (j) Pengkitaran semula

R&D yang dibangunkan ialah sistem penghasilan biogas daripada sisa sembelihan dan najis ternakan bagi menjana stim dan air panas untuk kegunaan rumah sembelihan dan mengurangkan penggunaan bahan api bagi tujuan tersebut.

(ii) Pemasaran

R&D yang dibangunkan ialah MSCAN-MEMS *Sensors* iaitu peranti dan peralatan kecil (*miniature*) yang telah dihasilkan oleh MIMOS Berhad melalui aplikasi teknologi maklumat dan komunikasi dalam memodenkan sektor penternakan dan perladangan di Malaysia.

Semua produk dan teknologi yang dihasilkan ini telah dapat mengurangi kebergantungan kepada sumber tenaga asing dalam sektor pertanian, peternakan dan perikanan serta dapat meningkatkan kecekapan dan produktiviti.

SOALAN NO: 2

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA Y.B. TUAN AZAN BIN ISMAIL
PERTANYAAN [INDERA MAHKOTA]
TARIKH LISAN
24/10/2011

SOALAN

Y.B. TUAN AZAN BIN ISMAIL [INDERA MAHKOTA] minta MENTERI KEWANGAN menyatakan apakah kesan yang dialami oleh negara kita akibat keputusan Kerajaan Amerika Syarikat mengehendkan kadar siling hutang negara mereka terutama apabila menstrukturkan semula sebagai langkah pemotongan Belanjawan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi membolehkan jentera Amerika Syarikat (AS) terus berfungsi dan mengelakkan daripada memungkiri bayaran hutang negara, Kongres AS telah bersetuju menaikkan kadar siling hutang negara pada 2 Ogos 2011. Kenaikan siling ini adalah dengan syarat bahawa Kerajaan AS perlu mengurangkan perbelanjaan serta meningkatkan hasil. Lanjutan daripada keadaan ini, pada 5 Ogos 2011 pihak Standard and Poor's (S&P) telah menurunkan penarafan kredit AS daripada AAA kepada AA+ dengan alasan bahawa kedudukan fiskal AS yang semakin lemah. Impak daripada penurunan taraf kredit ini telah menjejaskan bursa saham utama dunia dalam jangka masa pendek, namun ia adalah bersifat

sementara.

2. Pengurangan perbelanjaan oleh Kerajaan AS akan memberi kesan yang minimum kepada ekonomi global memandangkan pengurangan hanya akan dibuat ke atas perbelanjaan yang tidak kritikal. Ini termasuk pengurangan kos yang tidak perlu oleh Jabatan Pertahanan AS serta menghadkan pengambilan kakitangan awam sebagai langkah untuk mengawal perbelanjaan negara itu. Langkah pemotongan perbelanjaan ini akan memberi kesan secara tidak langsung terhadap pasaran buruh AS, namun begitu, ini dapat diimbangi oleh langkah- langkah Kerajaan AS untuk mencergaskan pasaran buruh, termasuk melalui pelaksanaan projek-projek infrastruktur.

3. Langkah pemotongan belanjawan AS boleh membawa kebimbangan kepada prospek pertumbuhan negara itu yang kini dianggarkan berkembang 1.5% pada 2011 berbanding 3% pada 2010. Keadaan ini dijangka tidak memberi impak yang ketara terhadap eksport Malaysia, memandangkan eksport negara kini lebih pelbagai, terutamanya dengan peningkatan perdagangan intra serantau di Asia. Tambahan pula asas-asas ekonomi yang kukuh seiring dengan dasar pengurusan makroekonomi yang pragmatik serta pelaksanaan Program Transformasi Ekonomi (ETP) dan program dan projek di bawah Bajet 2012 turut menyokong peningkatan pertumbuhan ekonomi dalam negeri. Pertumbuhan ekonomi juga akan dipacu oleh perbelanjaan domestik yang kukuh serta aktiviti pelaburan yang rancak. Dengan mengambil kira perkembangan ini, pertumbuhan ekonomi negara dijangka mencatat pertumbuhan pada kadar 5% hingga 5.5% pada tahun 2011.

4. Selain daripada itu, prospek pertumbuhan ekonomi negara dijangka terus berkembang kukuh. Unjuran terkini Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) pada 20 September 2011 menunjukkan prestasi ekonomi Asia serantau dijangka terus positif terutamanya bagi negara membangun berkembang pesat seperti China, India dan Indonesia. Perkembangan ini turut menyokong pertumbuhan perdagangan intra-serantau, seterusnya akan mengimbangi kesan kelembapan AS.

Tuan Yang di-Pertua,

5. Sehubungan dengan perkembangan antarabangsa serta keadaan yang dihadapi oleh AS, Belanjawan 2012 yang telah dibentangkan baru-baru ini pada 7 Oktober 2012 oleh Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, YAB Dato Sri Mohd Najib Tun Razak bertemakan "Dasar Transformasi Nasional: Bajet Membela Rakyat, Mensejahtera Negara" telah mengambil kira semua faktor dalaman serta luaran yang semakin mencabar ini. Kerajaan telah menyusun pelbagai strategi bagi merencanakan aktiviti ekonomi domestik terutamanya pelaburan swasta dan awam. Pelbagai insentif dan galakkan telah diberikan untuk merancak pelaburan domestik. Di antaranya, meliberalisasi 17 subsektor perkhidmatan, pelaksanaan Rolling Plan Kedua bagi Rancangan Malaysia Ke-10 serta merencanakan pembangunan di lima wilayah koridor. Selain daripada itu, Pakej Rangsangan Khas sebanyak RM6 bilion yang dibiayai melalui Private Financing Initiative (PFI) juga dijangka mampu meningkatkan lagi pelaburan awam. Oleh itu, Kerajaan yakin inisiatif ini akan menggalakkan lagi pertumbuhan ekonomi domestik dan seterusnya berupaya mengurangkan impak persekitaran ekonomi dunia yang tidak menentu ke atas negara kita.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

SOALAN 5

PERTANYAAN : **LISAN**

DARI PAD A **YB. DATUK HAJI MOHAMED BIN**
HAJI AZIZ [SRI
GADING]

TARIKH **24 OKTOBER 2011**

SOALAN **Meminta MENTERI PELANCONGAN**
menyatakan:

Apakah langkah-langkah yang telah dan bakal diambil dalam usaha mempertingkatkan lagi hubungan pelancongan antara rakyat negara ini dan rakyat negara China.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Sri Gading, antara langkah yang telah dilakukan oleh Kementerian Pelancongan dalam usaha mempertingkatkan lagi hubungan pelancongan antara rakyat negara ini dan rakyat China adalah seperti berikut:

1. Misi Galakan Pelancongan ke China pada 7-14 Ogos 2011;
2. Mengadakan seminar pelancongan dan menyertai pameran pelancongan utama di China;
3. Mengadakan pertemuan dengan pemimpin-pemimpin negara tersebut dalam usaha mewujudkan penerbangan terus di antara Kuala Lumpur dengan wilayah-wilayah di China;
4. Melaksanakan program pertukaran lawatan media antara Malaysia dengan China;
5. Menarik lebih ramai agensi pelancongan China untuk menjadi agen program Malaysia My Second Home (MM2H) secara usahasama dengan agensi MM2H di Malaysia bagi mempromosikan program MM2H;

Memperkenalkan produk pelancongan baru seperti *luxury tour*, *helicopter tour* dan *red carpet shopping* dan menekankan bahawa Malaysia adalah destinasi pelancongan yang aman dan berkualiti untuk dilawati;

Berinteraksi dengan pengusaha pelancongan di China tentang pelaksanaan kemudahan internet visa (i-visa);

Mengadakan perbincangan dengan pengusaha pelancongan swasta dan media-media utama China bagi tujuan mempromosi dan membangunkan pakej lawatan baru ke Malaysia; dan

Melancarkan video pelancongan terbaru bagi pasaran China yang bertajuk "*Stories to share, memories to treasure in Malaysia*"

Antara pameran utama yang telah dan akan disertai pada tahun 2011 adalah seperti berikut:-

1. Guangdong International Travel Fair (GITF) 2011 di Guangzhou pada 24-26 Mac 2011;
2. World Travel Fair (WTF) 2011 di Shanghai pada 12-15 Mei 2011;

3. Beijing International Travel Expo (BITE) 2011 di Beijing pada 17-19 Jun 2011 ;dan
4. China International Travel Mart (CITM) 2011 di Kunming pada 27-30 Oktober 2011;

Untuk itu, antara langkah yang bakal diambil dalam usaha mempertingkatkan lagi hubungan pelancongan antara rakyat negara ini dan rakyat China adalah seperti berikut:

1. Kementerian Pelancongan dan pejabat Tourism Malaysia di China akan menyusul tindakan menjalin usahasama promosi bersama dengan pengusaha pelancongan di antara kedua-dua negara;

Mengenal pasti senarai nama warga China yang merupakan *'high-net worth individuals'* sebagai sasaran promosi *Malaysia Truly Asia - Luxury Malaysia* (MTA-LM) dan MM2H untuk menarik lebih banyak penyertaan rakyat China ke dalam program MM2H;

Bekerjasama dengan pihak swasta dalam mengendalikan *Malaysia Truly Asia-Luxury Malaysia* (MTA-LM) bagi

mengekalkan Malaysia sebagai destinasi pelancongan terpilih di kalangan pelancong China dengan pelbagai pilihan produk pelancongan yang berkualiti dan mewah;

Mengatur lawatan media utama China ke Malaysia;

Pejabat Tourism Malaysia di China akan merancang untuk mengatur lebih banyak lawatan pelancong China ke Malaysia pada tahun akan datang; dan

Kementerian Pelancongan akan mengadakan perbincangan dengan syarikat penerbangan Malaysia bagi menimbang cadangan penerbangan terus Kuala Lumpur ke wilayah-wilayah utama China seperti Fujian dan Shenyang.

NO. SOALAN : 06

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN
DARIPADA**

LISAN

DATO' TAIB AZAMUDDEN BIN MD TAIB

[BALING]

TARIKH

24.10.2011(ISNIN)

DATO' TAIB AZAMUDDEN BIN MD TAIB [BALING] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan apakah usaha-usaha Kementerian yang lebih berkesan akan dilakukan bagi membantu perkara pengusaha IKS memasarkan produk mereka, memandangkan ruang pasaran yang amat terhad dan hampir tidak mendapat tempat terutama di pasaraya-pasaraya besar.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan sentiasa membantu usahawan-usahawan menjadi pembekal tetap di rangkaian peruncitan tempatan dan asing di Malaysia dengan syarat mereka mematuhi piawaian yang telah ditetapkan oleh *hypermarket* seperti pelabelan yang lengkap, pensijilan halal serta kualiti dan kuantiti pengeluaran yang

NO. SOALAN : 06

konsisten.

Dalam merealisasikan matlamat ini, Kementerian mengadakan beberapa program khas untuk membantu usahawan-usahawan tempatan memasar dan mempromosi produk masing-masing dan seterusnya menjadi pembekal tetap di rangkaian peruncitan.

Antara program-program yang dilaksanakan oleh Kementerian adalah Program Suaian Perniagaan yang mempertemukan usahawan-usahawan tempatan dengan pihak *hypermarket*, *supermarket*, kedai serbaguna, stesen minyak dan hotel. Melalui program ini, usahawan dan peruncit dipertemukan dalam usaha untuk menyenarai tetap produk masing-masing.

Kementerian juga menganjurkan program “Produk Malaysia, Citarasa Kita” dengan kerjasama *hypermarket* tempatan dan asing di Malaysia yang bertujuan memasar dan mempromosikan produk-produk mereka yang berpotensi tinggi untuk disenarai tetapkan.

Kerajaan telah menetapkan supaya semua *hypermarket* asing mematuhi Garis Panduan Penyertaan Asing Dalam Sektor Perdagangan Pengedaran di Malaysia (Pindaan) 2010 yang menetapkan 30 peratus produk yang dipasarkan semua bentuk pasar raya asing dan tempatan terdiri daripada produk PKS Bumiputera.

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEDUA BELAS PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN LISAN

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian akan menyenaraikan projek Jalan Meritam/ Telahak/ Bong Abai/ Pengkalan Rejab Fasa 3 (fasa terakhir) di bawah RMKeIO bagi tahun pelaksanaan 2013-2015 tertakluk kepada kelulusan daripada Unit Perancang Ekonomi (UPE, JPM).

SOALAN NO.:

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN LISAN
DARIPADA Y.B. TUAN SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL
MACHANG
KAWASAN 24 OKTOBER 2011 (ISNIN)
TARIKH
SOALAN

Y.B. TUAN SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL [MACHANG]
minta MENTERI KERJA RAYA menyatakan:

- (a) jumlah kontraktor Bumiputera Kelas F yang mendapat peluang kerja dalam projek jambatan Kedua Pulau Pinang; dan
- (b) Nilai projek yang diperolehi oleh kontraktor bumiputera tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek pembinaan Jambatan Kedua Pulau Pinang (JPP2) dilaksanakan secara penswastaan oleh syarikat Jambatan Kedua Sdn. Bhd. (JKSB), iaitu sebuah syarikat tujuan khas (SPV) yang ditubuhkan Kerajaan di bawah Kementerian Kewangan. JKSB bertanggungjawab untuk mereka bentuk, membina, mengendali, menyelenggara dan mengutip tol menerusi kaedah bina- kendali-pindah (BOT) bagi tempoh konsesi selama 45 tahun. Sehingga 30 September 2011, kemajuan keseluruhan kerja-kerja fizikal di tapak projek ini ialah sebanyak 61.83% berbanding 60.89% mengikut jadual atau dahulu jadual bersamaan 10 hari.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pemilihan bagi sub- kontraktor dibuat oleh kontraktor utama dan dipantau oleh pihak JKSB. Peranan Lembaga Lebuhraya Malaysia ialah memastikan syarat-syarat perjanjian konsesi yang menetapkan 30% daripada nilai kontrak konsesi diberikan kepada syarikat Bumiputera dipatuhi. Sehingga kini, terdapat sebanyak 96 syarikat atau sub-kontraktor Bumiputera daripada pelbagai kelas telah dilantik oleh kontraktor utama bagi pelaksanaan projek ini. Jumlah sub-kontraktor Bumiputera ini adalah bersamaan 48% daripada jumlah keseluruhan sub-kontraktor yang dilantik dengan nilai kerja yang ditawarkan adalah sebanyak RM961 juta. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 6 sub-kontraktor adalah sub-kontraktor Bumiputera Kelas F dengan nilai kerja sebanyak RM1.5 juta. Pada masa kini, kerja-

kerja yang sedang dilaksanakan di tapak melibatkan kerja-kerja berteknikal tinggi dan khusus (*specialize*) seperti pembinaan *substructure*, pemasangan dan pembinaan *superstructure* serta pembinaan *main span* yang mana sebahagian besar kerja - kerja ini adalah di kawasan laut di mana ianya di luar kemahiran sub-kontraktor Bumiputera Kelas F. Secara lazimnya, kerja-kerja yang dilaksanakan oleh sub- kontraktor Bumiputera Kelas F melibatkan kerja-kerja di peringkat akhir pelaksanaan projek seperti pemasangan penghadang jalan, papan tanda arah dan kerja-kerja lanskap. jumlah bilangan dan nilai kerja yang dilaksanakan oleh sub-kontraktor Bumiputera Kelas F dijangka meningkat dari masa ke masa semasa mengikut peringkat pelaksanaan projek, keperluan skop projek dan bidang kepakaran sub-kontraktor.

Sekian, terima kasih.

DEWAN RAKYAT MALAYSIA PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SERI MOHD RADZI BIN SHEIKH
AHMAD [KANGAR]

TARIKH : 24 OKTOBER 2011

SOALAN:

Dato' Seri Mohd. Radzi bin Sheikh Ahmad [Kangar] minta MENTERI

SOALAN NO. : 9

SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan adakah Kementerian mempunyai perancangan khusus bagi membantu negeri Perlis dalam projek pemuliharaan, pembangunan dan pembersihan Sungai Perlis dalam bandar Kangar bagi tujuan mewujudkan sebatang sungai yang bersih dan menarik sebagai tempat rekreasi penduduk tempatan serta tarikan pelancong ke negeri Perlis berulang.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) menjalankan pelbagai program pemulihan dan pemuliharaan sungai di seluruh negara termasuk di negeri Perlis.

Di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) dan RMKe-10, Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS) melaksanakan Program Pemuliharaan Sungai-Sungai Perlis dan Program Pemuliharaan Satu Negeri Satu Sungai (1N1S). Untuk program Satu Negeri Satu Sungai yang melibatkan Sungai Perlis, sebanyak lapan (8) juta Ringgit telah dibelanja di bawah RMKe-9 dan dua (2) juta Ringgit akan dibelanja di bawah RMKe-10.

Selain itu, pihak Jabatan Alam Sekitar (JAS) juga melaksanakan program pemantauan kualiti air sungai di negeri Perlis.

Antara langkah-langkah pencegahan pencemaran dan pemuliharaan sungai termasuk:

- i. Mempertingkatkan penguatkuasaan Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 dan peraturan-peraturan di bawahnya untuk mengawal pencemaran dari punca-punca tetap (point sources);
- ii. Membina perangkap sampah dan perangkap kelodak di sungai;

- iii. Menjalankan program 'Satu Negeri Satu Sungai' bertujuan untuk memulih dan mengembalikan sungai serta persekitarannya yang telah tercemar atau rosak (*degraded river*); dan
- iv. Melaksanakan aktiviti-aktiviti kesedaran mengenai kepentingan menjaga dan memelihara sungai.

Program-program yang telah dilaksanakan oleh JPS dan JAS di Sungai Perlis telah menyokong pembangunan rekreasi oleh Kerajaan Negeri di mana sungai berkenaan yang telah dipulihara mampu menjadi tempat yang menarik dan sesuai untuk kegunaan rekreasi penduduk setempat.

Tanggungjawab menjaga kebersihan sungai terletak dibahu semua pihak berkepentingan dan anggota masyarakat. Rakyat dapat membantu memelihara kebersihan sungai dengan tidak membuang sisa buangan seperti sampah sarap, sisa ternakan, sisa kilang dan sebagainya ke dalam sungai.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH
Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA DR. MICHEAL JEYAKUMAR DEVARAJ
[SUNGAI SIPUT]
TARIKH 24 OKTOBER 2011
SOALAN

SOALAN NO: 10

Dr. Micheal Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan:-

- (a) Bilangan graduan kursus diploma kejururawatan yang mengambil peperiksaan Lembaga Kejururawatan untuk mendapatkan pendaftaran; dan
- (b) Bilangan yang berjaya dalam peperiksaan tersebut, untuk tiap tahun dari tahun 2007 hingga ke 2010, dengan memberi pecahan universiti atau kolej mereka.

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Bilangan graduan kursus Diploma Kejururawatan yang mengambil peperiksaan Lembaga Jururawat dari tahun 2007 sehingga 2010 adalah seramai 32,510 orang. Dari jumlah tersebut, 9,855 orang terdiri dari graduan Kolej Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), 1,928 graduan Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan 20,727 adalah graduan Institusi Pengajian Swasta (IPTS).

INSTITUSI	2007	2008	2009	2010	JUMLAH
KKM	2,252	2,199	2,583	2,821	9,855
IPTA	302	420	533	673	1,928
IPTS	1,531	4,025	7,506	7,665	20,727
JUMLAH	4,085	6,644	10,622	11,159	32,510

- b) Bilangan graduan yang mengambil peperiksaan, lulus dan kandas jika mengikut tahun dan pecahan mengikut universiti dan kolej adalah seperti berikut:

2007-2010

INSTITUSI	BILANGAN KOLEJ	JUMLAH CALON	2007			
			LULUS	%	KANDAS	%
KKM	18	2,252	2,235	99.2	17	0.8
IPTA	5	302	298	98.7	IBIMBlB	1.3
IPTS	18	1,531	1,451	94.8	80	5.2
JUMLAH	41	4,085	liillii	Hill:	ill	2.47

INSTITUSI	BILANGAN KOLEJ	JUMLAH CALON	2008			
			LULUS	%	KANDAS	%
KKM	18	2,199		99.3	15	0.7
IPTA	7	420	liilil	99.5	2	0.5
IPTS	21	4,025	liiii	liilli	liiii ⁴²	13.5
JUMLAH	46	6,644	ii!!!	iiii	liiii1ii	8.4

INSTITUSI	BILANGAN KOLEJ	JUMLAH CALON	2009			
			LULUS	%	KANDAS	%
KKM	18	2,583	2,525	97.8	liiii'	2.2
IPTA	8	533	liiii	98.7	7	1.3
IPTS	28	7,506	5,296	70.6	2,210	29.4
JUMLAH	54	10,622	liiii	78.6	liiii	21.4

INSTITUSI	BILANGAN KOLEJ	JUMLAH CALON	2010			
			LULUS	%	KANDAS	%
KKM	18	2,821	2,777	98.4	44	1.6
IPTA	8	673	637	94.7	36	5.3
IPTS	37	7,665	5,371	70.1	2,294	29.9
JUMLAH	63	11,159	■	78.7	2,374	21.3

Kesimpulan keseluruhan dari jadual adalah seperti berikut bagi sepanjang tahun 2007-2010:

- i. Kolej Kejururawatan KKM terlibat sebanyak 18 buah.
 - Bilangan calon keseluruhan seramai 9,855 orang;
 - Calon yang lulus seramai 9,721 orang (98.64%); dan
 - Calon yang kandas seramai 134 (1.35%) orang.

- ii. Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) terlibat sebanyak 8 buah.
 - Bilangan calon keseluruhan seramai 1,928 orang;
 - Calon yang lulus seramai 1,879 orang (97.45%); dan
 - Calon yang kandas seramai 49 (2.54%) orang.

- iii. Institusi Pengajian Swasta (IPTS) terlibat sebanyak 37 buah.
 - Bilangan calon keseluruhan seramai 20,727 orang;
 - Calon yang lulus seramai 15,601 orang (75.27%); dan
 - Calon yang kandas seramai 5126 (24.73%) orang.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : **BAGI JAWAB LISAN**

DARIPADA **TUAN SALLEH BIN KALBI [SILAM]**

TARIKH **24 OKTOBER 2011**

SOALAN **11**

Tuan Salleh bin Kalbi [Silam] minta **MENTERI
PENGANGKUTAN**

menyatakan status terkini pembinaan Pusat Aeroangkasa Antarabangsa Malaysia (MIAC) yang melibatkan kawasan seluas 480 hektar di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah dan berapakah kos pembangunan projek tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek pembangunan Pusat Aeroangkasa Antarabangsa Malaysia (MIAC) adalah merupakan hub pembangunan aeroangkasa antarabangsa berteknologi tinggi yang telah dilancarkan pada tahun 2005, di kawasan tanah sebenarnya seluas 136.9 hektar sahaja.

Projek ini adalah untuk mencapai beberapa objektif berikut;

- I. Menjadikan aeroangkasa sebagai salah satu cabang baru menjana ekonomi negara dengan mewujudkan serta mempromosikan industri teknologi tinggi yang mempunyai nilai tambah selaras dengan hasrat Kerajaan menjadikan Malaysia negara industri teknologi tinggi dan negara berpendapatan tinggi,
- II. Menjana peluang pekerjaan dan kemahiran khususnya modal insan negara yang berasaskan sains dan teknologi yang telah mendapat latihan sama ada dari universiti tempatan dan luar negara.

Semenjak dilancarkan pada tahun 2005 dengan kos awalan RM 48 juta telah ditanggung oleh Malaysia Airport Berhad (MAHB). Setakat ini, kita telah berjaya menarik modal sebanyak USD 2 billion dalam tempoh 4 tahun beroperasi semenjak 2007. Di antara syarikat peneraju utama (*anchor*) yang telah melabur di hub aeroangkasa ini ialah *Spirit Aero System(M)* Sdn. Bhd yang membangunkan kemudahan pemasangan sayap pesawat Airbus dan mewujudkan 10 vendor utama yang besar dan 70 vendor-vendor kecil yang menyokong dalam industri hiliran. Ini tidak termasuk AIROD selaku kontraktor *Maintenance, Repair and Overhaul* (MRO) yang telah wujud semenjak 1987 untuk khidmat kepada pesawat-pesawat tentera dan Pusat Penyelenggaraan MAS yang terletak di luar 136.9 hektar hub pengangkutan tetapi bernaung di bawah MIAC.

Selain daripada itu, projek terkini MIAC ialah membangunkan pembangunan Helicopter Centre di mana syarikat penerajunya ialah Eurocopter Malaysia dengan kos anggaran pembinaan RM 50 juta. Pusat ini dijangka mula beroperasi selewat-lewatnya pertengahan 2012.

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA DR. MUJAHID BIN HAJIYUSOF RAWA

TARIKH 24 OKTOBER 2011

SOALAN 12

**Dr. Mujahid bin Haji Yusof Rawa [Parit Buntar] minta MENTERI
PENGAJIAN TINGGI menyatakan jumlah graduan Universiti
Pendidikan Sultan Idris (UPSI) yang menerima pinjaman PTPTN
yang diterima menjadi guru di sekolah Kerajaan pada tahun 2010.**

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

input PTPTN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 31 Disember 2010, PTPTN telah meluluskan pinjaman/pembiayaan pendidikan kepada 31,201 pelajar Universiti Perguruan Sultan Idris (UPSI) dengan jumlah

NO. SOALAN: 13

keseluruhan amaun yang terlibat sebanyak RM737.49 juta sehingga pelajar tamat pengajian. Daripada jumlah tersebut, seramai 20,617 peminjam telah tamat pengajian pinjaman/pembiayaan pendidikan PTPTN.

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEDUA BELAS (2011)**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA DATO' SRI IR. MOHD ZIN BIN MOHAMED
[SEPANG]**

TARIKH 24 OKTOBER 2011 [ISNIN]

SOALAN

Dato' Sri Ir. Mohd Zin bin Mohamed [Sepang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tindakan tegas yang diambil Kerajaan dalam membanteras, membendung dan menghalang penyebaran ajaran Syiah secara meluas di negara ini terutama di kalangan pelajar Institut Pengajian Tinggi (IPT).

JAWAPAN: (Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Menyedari hakikat negara Malaysia yang berbilang bangsa dan agama, maka dalam menyusun kerukunan dan menjaga keharmonian serta sensitiviti beragama, Kerajaan mengambil pendekatan berhemah melalui semangat dan roh Perlembagaan Persekutuan, yang mana agama Islam sebagai agama bagi Persekutuan dan agama-agama lain bebas mengamalkan ajaran mereka. Namun begitu, bagi memastikan ajaran selain ahli sunnah wal-jamaah yang diamalkan di Malaysia tidak menjejaskan keselamatan negara, pihak Kerajaan bertindak membuat pencegahan awal melalui pembendungan penyebaran selain ahli sunnah wal-jamaah dari terus menular dan mempengaruhi umat Islam di negara ini. Disamping masa yang sama, Kerajaan Negeri yang bertanggung jawab secara langsung dalam hal-ehwal agama telah mengadakan usaha- usaha menjaga kesucian pegangan dan fahaman mazhab Ahli sunnah Wal Jamaah agar tidak digugat.

Bagi memastikan ajaran Syiah tidak terus tersebar termasuklah di Institut Pengajian Tinggi (IPT) tempatan, pihak Kerajaan sentiasa bertindak membuat pencegahan awal melalui pembendungan aliran Syiah dari terus menular dan mempengaruhi umat Islam di negara ini. Antara usaha- usaha yang telah dan terus dilaksanakan oleh pihak Kerajaan ialah :

- i. Mendapatkan maklumat daripada pihak pentadbiran hal ehwal pelajar IPT berkenaan kegiatan pelajar-pelajar yang cenderung ke

NO. SOALAN: 15

arah fahaman Syiah.

- ii. Meningkatkan kerjasama antara agensi agama dengan agensi keselamatan dalam menangani dan menyekat fahaman Syiah ini dari berleluasa dan tersebar kepada masyarakat.

- iii. Menyebarluaskan fatwa-fatwa yang telah dibuat tentang pengharaman Syiah kepada masyarakat.
- iv. Sesi penjelasan kepada masyarakat melalui program-program ceramah dan penyebaran maklumat pengharaman ini menerusi media cetak dan elektronik.
- v. Program pemantauan dan mengawal bahan-bahan media cetak dan elektronik dari tersebarnya fahaman Syiah menerusi media-media berkenaan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN **JAWAB LISAN TUAN TAN TEE BENG 24 OKTOBER 2011**
DARIPADA **(ISNIN) NO. 14**

TARIKH **Tuan Tan Tee Beng [Nibong Tebal] minta MENTERI**
SOALAN **PENGAJIAN**

TINGGI menyatakan setelah ijazah dari Negara China
 diiktraf oleh Kerajaan, adakah Kementerian
mempunyai apa-apa rancangan selanjutnya supaya pelajar-pelajar
akan mendapat manfaat daripada pengiktirafan tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Malaysia dan China telah memeterai Perjanjian Pengiktirafan Seiring (*Mutual Recognition Agreement, MRA*) pada 28 April 2011. Melalui MRA ini Malaysia dan Republik Rakyat China (RRC) bersetuju mengiktiraf kelayakan Ijazah Sarjana Muda (*Bachelor Degree*), Ijazah Sarjana (*Master Degree*) dan Ijazah Kedoktoran (*Ph.D*), yang dianugerahkan kepada pelajar oleh institusi pengajian tinggi (IPT) kedua-dua buah negara bagi tujuan mobiliti pelajar. Kelayakan yang diiktiraf hendaklah kelayakan dari program yang mendapat akreditasi serta ditawarkan oleh IPT yang diiktiraf dan berautoriti di negara masing-masing.

MRA memainkan peranan penting dalam memperkasa hubungan dua hala antara Malaysia dan RRC khususnya dalam bidang pengajian tinggi termasuk memberi manfaat kepada pelajar kedua-dua negara. Antaranya adalah:

- i. membuka peluang untuk kerjasama dalam pasaran pengajian tinggi yang semakin global, seterusnya membuka peluang baru untuk meningkatkan mobiliti staf akademik dan pelajar serta menjurus ke arah meliberalisasi sektor pengajian tinggi;**
- ii. memberikan landasan penting ke arah mewujudkan jaminan kualiti yang tinggi dalam bidang pengajian tinggi khususnya dikalangan institusi-institusi yang mempunyai sistem pendidikan yang berbeza. Dengan adanya MRA ini, pemantauan dan akreditasi akademik yang lebih tegas bagi memastikan IPT terus menjaga kualiti dan piawaian akademik yang tinggi sepanjang masa. Ini akan meningkatkan imej dan memertabatkan lagi kualiti pengajian tinggi Malaysia di arena antarabangsa;**
- iii. membantu dari segi melahirkan tenaga kerja mahir di mana RRC akan mempunyai lebih ramai graduan daripada institusi pengajian tinggi (IPT) di Malaysia untuk memenuhi keperluan tenaga kerja di RRC;**
- iv. mempromosikan kerjasama dalam bidang pengajian tinggi dan program pertukaran pelajar antara universiti bagi menerokai bidang kepakaran dan penyelidikan masing-masing; dan**

peluang pelajar untuk belajar lebih terbuka luas merujuk kepada institusi pengajian tinggi (IPT) yang diiktiraf oleh kedua-dua buah negara.

PEMBERITAHU PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT. MALAYSIA

PERTANYAAN
DARIPADA

LISAN
TAN SRI DATUK SERI DR. FONG
CHAN ONN

KAWASAN

ALOR GAJAH

TARIKH
NO. SOALAN

: 24.10.2011 (ISNIN)
is

TAN SRI DATUK SERI DR. FONG CHAN ONN minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan dasar Kerajaan dan tindakan yang telah diambil oleh Kementerian untuk menarik lebih *Foreign Direct Investment* (FDI) ke dalam negara dan minta menyediakan statistik berapa banyak projek Kerajaan Persekutuan serta MIDA ke setiap negeri-negeri sejak 5 tahun yang lepas.

Jawapan:

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan telah melaksanakan pelabgai inisiatif bagi memastikan Malaysia masih kekal sebagai sebuah destinasi pelaburan yang

kompetitif untuk pelaburan asing. Antara usaha-usaha yang dilaksanakan bagi menarik lebih FD1 ke dalam negara adalah:

- Memperkenalkan pendekatan berfokus atau *targeted approach*, dengan izin, di samping penekanan terhadap industri-industri berintensif modal dan teknologi serta penglibatan dalam R&D;
- Memberikan tumpuan khusus kepada syarikat terkemuka yang telah dikenalpasti di dalam sektor bernilai tambah tinggi, industri berasaskan pengetahuan dan berteknologi tinggi untuk melabur di Malaysia;
- Memberikan tumpuan kepada sektor pasaran baru muncul ataupun *emerging market*, dengan izin, seperti advanced electronics dan semikonduktor peralatan dan peranti perubatan, sumber tenaga alternatif dan tenaga solar, fotonik, optoelektronik, teknologi nano, jentera dan industri sokongan kejuruteraan terkini;
- Menganjurkan beberapa Persidangan Antarabangsa di Malaysia, seperti Forbes Global CEO Conference pada 12-14 September 2011;
- Menganjurkan Specific Project Mission (SPM) untuk menarik pelaburan daripada industri-industri yang dikenalpasti berpotensi untuk masa hadapan;
- Mewujudkan Perkhidmatan Juru Runding (*Special Business*

Advisors) yang terdiri daripada personaliti terkemuka di dalam industri-industri yang digalakkan termasuk daripada universiti-universiti dan institusi-institusi penvelidikan luar negara untuk membantu dan membuka peluang bekeriasama dengan svarikat-svarikat utama di dalam industri-industri yang digalakkan; dan

- Meningkatkan aktiviti perhubungan awam (*public relations*) terhadap Malaysia dengan melantik agensi perhubungan awam untuk mempromosikan Malaysia sebagai destinasi pilihan pelaburan.

Tuan Yang Dipertua,

Pecahan projek perkilangan yang diluluskan mengikut negeri bagi tahun 2006 hingga 2010 adalah:

- Selangor sebanyak 1.534 projek dengan jumlah pelaburan sebanyak RM45.8 bilion;
- Johor sebanyak 905 projek dengan jumlah pelaburan sebanyak RM40.2 bilion;

- Pulau Pinang sebanyak 673 projek dengan jumlah pelaburan sebanyak RM34.7 bilion;
- Kedah sebanyak 240 projek dengan jumlah pelaburan sebanyak RM29.9 bilion;
- Sarawak sebanyak 160 projek dengan jumlah pelaburan sebanyak RM29.4 bilion;
- Sabah sebanyak 219 projek dengan jumlah pelaburan sebanyak RM16.2 bilion;
- Terengganu sebanyak 45 projek dengan jumlah pelaburan sebanyak RM12.9 bilion;
- Melaka sebanyak 194 projek dengan jumlah pelaburan sebanyak RM11.4 bilion;
- Perak sebanyak 267 projek dengan jumlah pelaburan sebanyak RM10.3 bilion;
- Negeri Sembilan sebanyak 169 projek dengan jumlah pelaburan sebanyak RM7.8 bilion;
- Pahang sebanyak 114 projek dengan jumlah pelaburan sebanyak RM6.1 bilion;
- Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sebanyak 60 projek dengan jumlah pelaburan sebanyak RM924.7 juta;
- Kelantan sebanyak 27 projek dengan jumlah pelaburan sebanyak RM509.8 juta; dan
- Perlis sebanyak 8 projek dengan jumlah pelaburan sebanyak RM269.9 juta.

DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN

NO. SOALAN: 16

PERTANYAAN MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEDUA BELAS _____ (2011) _____

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA Y.B. DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS
[TELOK KEMANG]

TARIKH 24 OKTOBER 2011 [ISNIN]

SOALAN

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [Telok Kemang] minta **PERDANA**
MENTERI menyatakan

- (a) **rancangan dan perbelanjaan kebajikan wang zakat** dari 2005 hingga 2010 dalam usaha-usaha mencegah kemungkaran dalam masyarakat Islam; dan
- (b) cara mana **pelaburan wang zakat** dalam pelaburan harta dapat memberi faedah kepada umat.

**JAWAPAN: (YB SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR
BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA
MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

(a) Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, mengikut Jadual 9 Senarai II (1), Perlembagaan Persekutuan, Hal Ehwal Agama Islam termasuklah kutipan dan agihan zakat adalah terletak di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri yang dikendalikan oleh Majlis Agama Islam (MAIN) masing-masing.

Saya percaya Kerajaan Negeri telah, sedang dan akan mengambil tindakan terbaik dari masa ke semasa mengikut kemampuan masing-masing bagi mengendalikan dan meningkatkan perkhidmatan pengurusan zakat. Maklumat mengenainya bolehlah merujuk kepada Majlis Agama Islam masing-masing.

Dalam melaksanakan agihan zakat, terdapat dua kaedah utama yang diamalkan oleh MAIN dan agensi zakatnya bagi menyalurkan bantuan dana zakat kepada golongan asnaf. **Kaedah pertama** adalah melalui permohonan yang dibuat secara terus oleh pemohon dan **kedua** melalui pendekatan 'turun padang' di mana pegawai pengurusan zakat mengunjungi rumah atau tempat tinggal mereka yang memerlukan bantuan. Melalui pendekatan tersebut, MAIN menyediakan senarai pemohon dan penerima bantuan zakat melalui bancian, siasatan dan kajian yang dibuat dari semasa ke semasa oleh pegawainya dengan kerjasama erat amil-amil, jawatankuasa masjid, persatuan penduduk, JKKK, Jabatan Kebajikan Masyarakat dan pemimpin-pemimpin masyarakat setempat. Tindakan bersepadu ini juga dapat memastikan bakal- bakal penerima zakat dapat dikesan secara menyeluruh.

Senarai pemohon dan penerima diproses dan dikemaskini dari semasa ke semasa dalam pangkalan data pengurusan zakat. Senarai berkenaan disemak dan diperhalusi oleh Jawatankuasa Agihan negeri masing-masing bagi memastikan mereka adalah tergolong dalam asnaf yang layak diberi bantuan menerusi pelbagai skim bantuan yang diperkenalkan tertakluk kepada **syarat kelayakan** dan **had kifayah** yang ditetapkan oleh negeri masing-masing.

Berdasarkan lapan asnaf itu, pelbagai skim bantuan ditawarkan dan diagihkan kepada para penerima yang layak. Antaranya bantuan kewangan bulanan, bantuan dermasiswa, bantuan perubatan, bantuan membina / membaiki rumah dan deposit membeli rumah kos rendah dan lain-lain. Dengan agihan dan skim-skim bantuan zakat seumpama inilah yang akan dapat membantu asnaf zakat daripada kedaifan dan kepinggiran.

Program-program pembangunan ekonomi yang mampu memberi impak yang tinggi (*High Impact Program*) kepada asnaf untuk keluar daripada belunggu kemiskinan melalui skim bantuan zakat juga diwujudkan. Umpamanya skim latihan kemahiran, skim bantuan modal perniagaan, bantuan deposit sewa beli teksi, bantuan deposit membeli van / bas sekolah dan lain-lain. Di Wilayah Persekutuan misalnya, Baitulmal Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) menyediakan sebanyak 27 skim bantuan, sebahagian besarnya adalah sepertimana yang disebutkan itu.

Program-program skim bantuan ini membantu mereka keluar daripada kepompong kemiskinan dan dapat berdikari membina hidup yang lebih selesa. Seterusnya mereka akan keluar pula sebagai pembayar zakat. Inilah bentuk "pelaburan wang zakat" yang dikendalikan oleh MAIWP, Lembaga Zakat Selangor dan Majlis-Majlis

Agama Islam Islam Negeri yang lain agar dapat memberi faedah jangkamasa panjang kepada umat Islam.

(b) Sehingga hari ini dalam maklumat JAWHAR, tidak ada wang zakat dilaburkan secara langsung / komersil dalam apa-apa skim- skim pelaburan sekalipun ulama berpendapat dengan syarat-syarat tertentu / yang ketat adalah diharuskan mengambil wang zakat untuk tujuan pelaburan. Ini adalah kerana pada prinsip asasnya wang zakat adalah **hak mustahik** (asnaf zakat), ia hendaklah diagih dan diberikan kepada asnaf-asnafnya dengan segera. Pusat zakat Majlis-Majlis Agama Islam Negeri masih lagi berpegang teguh dengan prinsip dasar ini dengan memperkenalkan skim-skim bantuan serta program-program jangkamasa panjang yang memberi impak yang tinggi untuk kebaikan dan manfaat umat Islam.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO: 17

PARLIMEN MALAYSIA PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN
DARIPADA**

JAWAB LISAN

PUAN HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI [BATANG SADONG]

**TARIKH
SOALAN**

24 OKTOBER 2011 (ISNIN)

Puan Hajah Nancy binti Haji Shukri [Batang Sadong] minta

MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

menyatakan sama ada Kementerian mempunyai perancangan untuk mengetengahkan herba sebagai tanaman yang pelbagai yang boleh membantu golongan pengusaha kecil di peringkat kampung.

JAWAPAN OLEH : Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah merangka dan melaksana pelbagai strategi bagi menyokong industri berasaskan herba di peringkat hulu iaitu dengan membekal dan memudah cara untuk mendapatkan benih berkualiti, menguruskan kursus teknologi pengeluaran, pengendalian lepas tuai dan menjadualkan penanaman herba kepada petani - petani secara kontrak berasaskan keperluan bahan mentah daripada pengilang dan pengedar.

Di samping itu, Seminar Peringkat Kebangsaan juga diadakan bagi mempromosi kelebihan dan khasiat herba yang melibatkan pembentangan oleh Institut Pengajian Tinggi Awam dan Agensi Penyelidikan dan Pembangunan Badan Berkanun dianjurkan.

Di peringkat hiliran, pengilang industri kecil dan sederhana berasaskan herba dibantu dalam menghasilkan produk berasaskan makanan kulinari, minuman kesihatan, barangan mandian, wangian dan lain - lain dari aspek pengeluaran produk berasaskan GMP dan pembungkusan yang menarik.

SOALAN NO : 18

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD. YUSOFF

[RANTAU PANJANG]

TARIKH 24 OKTOBER2011 (ISNIN)

SOALAN:

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah pemantauan dibuat terhadap keberkesanan pasukan tentera yang berkawal di sepanjang sempadan Malaysia - Thailand berbanding dengan pasukan polis, apa tindakan mengatasi masalah penyeludupan dan masalah sosial melalui sempadan yang semakin berleluasa.

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman YB, Angkatan Tentera Malaysia (ATM) telah mengambil alih secara sementara kawalan sempadan Malaysia-Thailand dari Polis Diraja Malaysia (PDRM) bermula pada 15 Nov. 2010. Kawasan operasi yang diambil alih adalah Operasi Wawasan Kedah/Perlis (Bukit Kayu Hitam, Kedah hingga Wang Klian, Perlis) dan Operasi Wawasan Kelantan (Rantau Panjang hingga Pengkalan Kubur). Dengan yang demikian, ia menjadikan keseluruhan operasi sempadan

Malaysia-Thailand kini adalah di bawah Tentera Darat.

Tugas yang dilaksanakan Tentera Darat adalah mendominasi tanah, melaksanakan rondaan, menghindar kemasukan PATI dan penyeludupan, melaksanakan serang hendap, mendirikan pos pemerhati dan mencari maklumat perisikan. Sehingga kini, beberapa kawasan panas (*hot spot*) seperti pengkalan haram, laluan haram dan lokasi aktiviti penyeludupan telah dikenalpasti dan ia menjadi tumpuan Tentera Darat. Hasil dari gerakan-gerakan yang insentif, operasi ini telah dapat mengurangkan pencerobohan PATI dan penyeludupan di kawasan sempadan.

Dalam menangani masalah penyeludupan di sempadan, semua jabatan/agensi penguatkuasa telah bekerjasama secara berterusan di samping melaksanakan bidang tugas masing-masing. Untuk makluman YB, kompleks ICQS merupakan banteng hadapan utama dalam mengawal proses keluar/masuk ke dalam negara. Kompleks ini dianggotai oleh pelbagai agensi seperti Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Kastam Diraja Malaysia (KDRM), PDRM, Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) dan jabatan penguatkuasaan yang lain. Selain itu, Unit Pencegah Penyeludupan (UPP) yang mengandungi anggota KDRM, JIM dan PDRM telah diberi kuasa secara khusus oleh undang-undang bagi menjamin keberkesanan tindakan pencegahan aktiviti penyeludupan di laluan keluar/masuk negara. Di samping itu juga, penglibatan KPDNKK turut membantu dalam menguatkuasakan undang-undang berkaitan barangan kawalan yang dibawa masuk atau keluar dari dalam negara.

Sekian. Terima kasih.

No. SOALAN: 19

PERTANYAAN **LISAN**
DARIPADA **Datuk Dr Tekhee @ Tikianak Lafe [Mas Gading]**
TARIKH **24 Oktober 2011 (Isnin)**
SOALAN **Datuk Dr Tekhee @ Tiki anak Lafe [Mas Gading]**
minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah dan nilai projek di bawah program NKRA dan prestasi serta peringkat pelaksanaan setakat ini kerana difahamkan bahawa masih ada lagi projek yang belum lagi bermula.

JAWAPAN: (YB Senator Tan Sri Dr Koh Tsu Koon)

Secara keseluruhan pada tahun 2010, pencapaian NKPI (National Key Performance Indicators) bagi enam NKRA (*National Key Result Areas*) adalah sebanyak 121%, di mana ia menunjukkan prestasi yang amat memberangsangkan kerana pencapaian adalah lebih daripada sasaran tinggi yang telah ditetapkan pada awal tahun 2010.

Sebagai contoh, NKRA Infrastruktur Asas Luar Bandar yang diterajui oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) yang melibatkan beribu-ribu projek pembinaan jalan raya, penyambungan bekalan elektrik dan bekalan air di rumah-rumah yang terletak di luar bandar serta pembinaan atau pemuliharaan rumah kos rendah telah mendapat pencapaian KPI sebanyak 91%. Pencapaian secara terperinci NKRA tersebut adalah seperti berikut:

- **Pembinaan Jalan Raya: 104%** - sebanyak 783.1km telah dibina, berbanding dengan sasaran 751.9%.
- **Bekalan Air: 52%** - 36,273 isi rumah telah disambung dengan bekalan air, berbanding sasaran 70,181. Pencapaian kurang memuaskan disebabkan oleh kapasiti sumber dan isu pemerolehan.

- Bekalan elektrik: 108% -- 27,266 isi rumah luar bandar menerima bekalan elektrik 24 jam buat kali pertama, berbanding sasaran 25,312.
- Pembinaan rumah: 102% -16,962 rumah baru atau dibaik pulih disediakan bagi golongan miskin luar bandar, berbanding sasaran 16,626.

Peruntukan yang dibelanjakan oleh projek-projek di bawah NKRA Infrastruktur luar bandar pada tahun 2010 adalah sebanyak RM3.1 bilion.

Pada tahun ini pula, pencapaian NKRA Infrastruktur Asas Luar Bandar semenjak 1 Januari 2010 hingga 31 Ogos 2011 adalah:

1. Sepanjang 556.9 kilometer jalan luar bandar telah berjaya disiapkan berbanding target 2011 iaitu sebanyak 905.1 kilometer
2. Sebanyak 16,422 isi rumah luar bandar telah menerima bekalan air bersih, berbanding sasaran asal iaitu 58,087
3. 5,247 isi rumah telah menerima bekalan elektrik, berbanding 26,882 yang telah ditetapkan untuk dicapai pada 2011
4. 5,145 buah rumah baharu atau dibaik pulih telah disediakan bagi golongan miskin luar bandar, berbanding sasaran asal 2011 iaitu 9,146

Perbelanjaan dalam tempoh Januari sehingga Ogos tahun ini berjumlah RM2.24 bilion. Pihak kerajaan yakin bahawa hasil pengalaman dan pembelajaran yang diperolehi pada tahun 2010 akan dapat digunakan bagi merencanakan lagi pencapaian semua NKRA pada tahun ini dan tahun-tahun yang akan datang.

SOALAN NO. 20

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA YB TUAN HEE LOY SIAN

(PETALING JAYA SELATAN)

TARIKH 24 OKTOBER 2011 (ISNIN)

SOALAN

**YB Tuan Hee Loy Sian (Petaling Jaya Selatan) minta MENTERI
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

menyatakan:-

- (a) Apakah usaha Kementerian untuk meningkatkan imej Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) sebagai satu pusat pemulihan untuk kanak-kanak kurang upaya dari keadaan sekarang seolah-olah PDK sebagai satu tempat asuhan atau jagaan harian; dan
- (b) Adakah Kementerian bercadang untuk menaikkan elaun guru PDK terutamanya mereka yang tinggal di bandar.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kerajaan melalui Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) sentiasa memberi perhatian khusus kepada aspek perkembangan, pembangunan dan pemulihan golongan Orang Kurang Upaya (OKU). Sehubungan itu, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah melaksanakan Program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) sejak tahun 1984. Program PDK ini dikhususkan untuk golongan OKU termasuk kanak-kanak supaya mereka dapat diintegrasikan dalam masyarakat.

PDK dilaksanakan melalui kerjasama multisektoral dengan penglibatan aktif ibu bapa, keluarga, masyarakat setempat, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan agensi Kerajaan seperti Jabatan Pelajaran, Jabatan Kesihatan dan Jabatan Tenaga Kerja.

Kementerian sentiasa berusaha meningkatkan imej PDK dari masa ke semasa bagi memastikan OKU di PDK dapat dilatih dan

diintegrasikan dalam komuniti. Antara usaha yang telah dilaksanakan oleh JKM bagi meningkatkan imej PDK sebagai pusat pemulihan OKU ialah:

i. Mengeluarkan Garis Panduan Pengurusan PDK

Garis panduan baru ini, bagi menggantikan garis panduan yang lama, telah dihasilkan dan mula digunakan pada bulan September 2011 bagi memantapkan pengurusan kewangan supaya lebih telus, pentadbiran dan operasi supaya lebih seragam dan efisien.

ii. Pelaksanaan portal PDKnet

JKM telah memperkenalkan portal PDKnet di negeri Melaka pada tahun 2007 untuk meningkatkan tahap pembelajaran OKU menerusi penggunaan teknologi multimedia dan ICT. Seterusnya PDKnet ini dijadualkan dipeluaskan ke enam (6) buah negeri iaitu negeri Kedah, Perak, Pahang, Johor, Sabah dan Sarawak pada tahun 2012.

Penubuhan *Self Help Advocacy Group* di PDK

JKM telah memulakan usaha untuk menubuhkan kumpulan *Self Help Advocacy Group* di PDK mulai bulan Jun 2011. Sebagai permulaan, seminar telah dijalankan di zon tengah (meliputi negeri Selangor, Negeri Sembilan dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur serta Putrajaya) dan

zon selatan (negeri Johor dan Melaka) bagi menerangkan fungsi, prosedur dan kepentingan kewujudan kumpulan advokasi kepada penyelia PDK. Seterusnya penyelia PDK akan melatih OKU bagi mewujudkan kumpulan advokasi diri di kalangan OKU itu sendiri bagi meningkatkan keyakinan diri dan kemahiran menyuarakan pandangan dan hak mereka.

Program Pemerksaan Ekonomi (EEP)

JKM telah memulakan usaha dalam melatih penyelia, petugas dan pelatih PDK bagi memberikan kemahiran menghasilkan kraftangan dan aksesori seperti cincin, gelang dan brooch serta kemahiran jahitan membuat beg dan sarung kusyen. *Training of trainers* ini telah dijalankan pada tahun 2010. Seterusnya jurulatih tersebut diharap melatih lebih ramai OKU

di PDK masing-masing bagi membolehkan OKU menjana pendapatan menerusi pelbagai kegiatan ekonomi yang bersesuaian.

Tuan Yang di-Pertua,

- (b) Berhubung dengan cadangan Ahli Yang Berhormat untuk menaikkan elaun petugas PDK khususnya mereka yang tinggal di

SOALAN NO. 22

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

golongan rakyat Malaysia berumur 35 tahun ke atas yang menjawat jawatan tinggi di syarikat antarabangsa untuk pulang ke Malaysia. Adakah langkah-langkah ini berjaya dan kalau tidak, apakah alasan yang diberikan oleh mereka yang tidak berminat.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Talent Corporation Malaysia Berhad (TalentCorp) telah ditubuhkan untuk membantu dalam usaha memenuhi keperluan tenaga kerja mahir bagi mencapai aspirasi negara selaras dengan Program Transformasi Ekonomi (ETP) menjelang 2020. Sehubungan ini, TalentCorp

bertanggungjawab untuk merangka inisiatif yang dapat membangun modal insan berkemahiran tinggi dari beberapa kalangan rakyat Malaysia: pertamanya, dari dalam negara; kedua, dari luar negara; dan ketiga, tenaga mahir asing. Ketiga-tiga golongan tenaga mahir ini dianggap penting untuk memenuhi keperluan tenaga kerja mahir di bawah ETP.

Sebagai usaha untuk menarik golongan rakyat Malaysia yang masih bekerja di luar negara untuk pulang ke Malaysia, TalentCorp telah mengambil alih pelaksanaan program *Returning Expert* (REP) sejak bulan Januari 2011 dan telah memperkenalkan beberapa penambahbaikan insentif kepada program tersebut. Selain itu, TalentCorp menjalankan sesi temu seru ke arah membangun jaringan dengan masyarakat Malaysia di luar negara, termasuk di Australia, Amerika Syarikat dan UK. Sesi temu seru sedemikian turut diadakan bersama industri-industri dalam negara untuk mengetengahkan peluang-peluang pekerjaan profesional yang wujud hasil daripada pelaksanaan ETP tersebut.

Usaha-usaha untuk menarik rakyat Malaysia yang berkemahiran tinggi khususnya yang berumur 35 tahun ke atas yang menjawat jawatan tinggi di syarikat antarabangsa untuk pulang ke tanah air sedang berterusan melalui pelaksanaan REP dan masih terlalu awal untuk mengukur kejayaan usaha-usaha tersebut. Walau bagaimanapun, bilangan yang memohon untuk kembali ke Malaysia melalui REP adalah menggalakkan dan setakat 30 September 2011, bilangan tersebut telah

meningkat kepada 458 orang berbanding 313 pada tahun yang lalu.

Untuk makluman ahli yang berhormat, beberapa orang rakyat Malaysia yang berumur 35 tahun ke atas yang menjawat jawatan tinggi di syarikat antarabangsa telah kembali ke Malaysia dan sedang menjawat jawatan-jawatan tinggi di industri-industri seperti pembuatan, kewangan dan perbankan, teknologi maklumat, kejuruteraan serta minyak dan gas.

Antara faktor yang memberi kesan terhadap pilihan tempat kerja rakyat Malaysia yang berkemahiran tinggi termasuklah faktor berkaitan dengan gaji, prospek kemajuan kerja serta kualiti kehidupan seharian. Bagi tujuan menarik dan mengekalkan tenaga berkemahiran tinggi di Malaysia, Kerajaan terus komited dengan Program Transformasi Kerajaan (GTP) ke arah meningkatkan lagi taraf kehidupan rakyat jelata, dan ETP ke arah mewujudkan peluang pekerjaan yang berpendapatan tinggi. Sehubungan ini, TalentCorp akan terus bekerjasama dengan pihak majikan untuk meningkatkan kesedaran mengenai peluang pekerjaan professional dalam negara.

**SIDANG DEWAN RAKYAT MESYUARAT
KETIGA, PENGGAL KEEMPAT, PARLIMEN**

KEDUA BELAS (2011)

**PERTANYAAN
DARIPADA**

JAWAB LISAN

PUAN HAJAH FAUZIAH BINTI SALLEH

TARIKH

[KUANTAN]

SOALAN

24 OKTOBER 2011 22

minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan sama ada Kementerian sedar atau tidak bahawa Lynas Corporation meletakkan piawaian mengikut piawaian Negara China di dalam kertas kerja mereka berkenaan sisa buangan radioaktif di loji pemprosesan mereka, LAMP.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di Pertua,

Antara sisa-sisa yang bakal dikeluarkan dan terhasil daripada pengilangan bahan mentah bagi projek LAMP bukanlah ditakrifkan sebagai sisa buangan bahan radioaktif. Mengikut standard antarabangsa terutamanya dari Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (IAEA), sisa ini ditakrifkan sebagai sisa buangan industri yang mengandungi bahan radioaktif semulajadi (*radioactive material from natural origin*).

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) melalui Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (LPTA) bertanggungjawab menilai sesuatu permohonan lesen berkaitan berdasarkan peruntukkan Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984 (Akta 304) dan Peraturan-Peraturan subsidiari di bawahnya iaitu:

- (i) Peraturan-Peraturan Perlindungan Sinaran (Perlesenan) 1986, Akta 304;
- (ii) Peraturan-Peraturan Perlindungan Sinaran (Pengangkutan) 1989, Akta 304;
- (iii) Peraturan-Peraturan Perlesenan Tenaga Atom (Perlindungan Sinaran Keselamatan Asas) 2010, Akta 304 dan
- (iv) Peraturan-peraturan Perlesenan Tenaga Atom (Pengurusan Sisa Radioaktif) 2011.

LPTA juga turut menilai sesuatu permohonan mendapatkan lesen berkaitan dengan berpandukan prosedur dan standard antarabangsa dan di antaranya ialah prosedur dan standard yang ditetapkan oleh Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (IAEA). Prosedur dan standard ini dilaksanakan ke atas Syarikat Lynas (M) Sdn. Bhd. sepertimana yang dikenakan kepada mana-mana pemohon yang lain supaya ianya memenuhi prosedur dan standard tersebut sebelum lesen dikeluarkan.

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, sekiranya permohonan memenuhi prosedur dan standard yang ditetapkan, LPTA akan mengeluarkan lesen secara berperingkat iaitu:

- (i) Fasa Penempatan *Tapak(Siting)*,
- (ii) FasaPembinaan (*Construction*),
- (iii) Fasa Kendalian Sementara(*Pre-oprational*),
- (iv) Fasa Kendalian Penuh(*Full Operational*)dian
- (v) Fasa *Pembubaran(Decommissioning)*.

Laporan Penilaian oleh Pakar Bebas dari IAEA baru-baru ini telah mengesahkan bahawa secara keseluruhannya projek LAMP pada peringkat *siting and construction* (dengan izin) didapati telah menepati dan memenuhi prosedur dan standard perundangan Malaysia dan IAEA. Di samping itu, mereka juga turut mengemukakan beberapa cadangan sebagai penambahbaikan terhadap tahap keselamatan projek tersebut.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA'

PERTANYAAN

LISA
N

DATUK WIRA AHMAD HAJI HAMZAH

DARIPADA
KAWASAN

JASI
N

24.10.2011 (ISNIN)

TARIKH NO. SOALAN

Y.B. DATUK WIRA AHMAD HAJI HAMZAH minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan selepas perjanjian rangka Kerja Kolaboratif Komprehensif (CCF) berjaya dimeterai antara MAS dan AirAsia bagi sektor pengangkutan udara, adakah Kerajaan bercadang untuk mengadaptasi kaedah yang sama terhadap syarikat Proton dan Perodua dalam mengujudkan persaingan sihat di sektor automotif negara.

Jawapan

Tuan Yang Di Pertua,

Kerajaan telah memutuskan cadangan penggabungan PROTON dan PERODUA tidak lagi diteruskan. Keputusan ini diambil setelah mengambil kira beberapa faktor termasuklah maklum balas daripada pihak PROTON dan PERODUA.

Namun begitu, bagi meningkatkan daya saing kedua-dua pengeluar kereta nasional tersebut, Kerajaan bersetuju supaya kedua-dua

syarikat bekerjasama dalam bidang-bidang strategik seperti pembangunan produk, perolehan bahan mentah dan komponen, pembangunan vendor, pengeluaran, pengedaran dan jualan kenderaan serta perkhidmatan lepas jualan supaya lebih kompetitif.

Selain itu, Kerajaan pada masa ini sedang membangunkan pelan hala tuju peningkatan daya saing industri automotif tempatan, khususnya PROTON dan PERODUA bagi menghadapi cabaran liberalisasi pasaran serantau dan antarabangsa. MITI melalui Malaysia Automotive Institute (MAI) kini sedang menyelaraskan kerjasama strategik antara PROTON dan PERODUA bagi memastikan industri automotif tempatan menjadi lebih berdaya saing dan mampu untuk menembusi pasaran serantau dan antarabangsa.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN DARIPADA	JAWAB LISAN YB DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM [PERMATANG PAUH]
--------------------------------	---

TARIKH	24 OKTOBER 2011
---------------	------------------------

SOALAN:

YB DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM [PERMATANG PAUH] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan cadangan mengkaji semula takrif dan ukuran paras kemiskinan yang sewajarnya mengambil kira perubahan keperluan kehidupan dan kos sara hidup yang meningkat agar memberikan gambaran yang lebih tepat dan realistik mengenai takrif kemiskinan bandar dan luar bandar dan berapa ukuran Pendapatan Garis Kemiskinan terkini

NO SOALAN: 24

serta nyatakan kadar kemiskinan dan bilangan isi rumah yang berada di bawah paras kemiskinan bagi setiap negeri bagi tahun-tahun 2007-2010.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sememangnya mengkaji semula takrif Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) dari semasa ke semasa bagi mengukur kadar kemiskinan mengambilkira tahap pendapatan serta keperluan dan kos kehidupan semasa. Model PGK yang digunapakai pada masa kini adalah berlandaskan tafsiran dan pengukuran yang selaras dengan amalan antarabangsa serta Bank Dunia yang disesuaikan dengan keperluan dan keadaan di negara kita.

Bagi mengukur kadar kemiskinan, metodologi PGK yang digunapakai ini mengambil kira keperluan makanan dan bukan makanan bagi setiap isi rumah berasaskan ciri-ciri demografi isi rumah tersebut seperti umur, jantina dan saiz isi rumah serta lokasi isi rumah mengikut negeri dan strata, iaitu kawasan bandar dan luar bandar. Ini bermakna setiap isi rumah mempunyai ukuran PGK masing-masing berdasarkan ciri-ciri tersebut. Walau bagaimanapun, bagi tujuan pelaksanaan program dan projek serta mengenalpasti kumpulan sasar, hanya tiga kategori PGK per kapita berasaskan PGK per kapita purata digunakan iaitu PGK per kapita Semenanjung, PGK per kapita Sabah dan PGK per kapita Sarawak. PGK bagi Semenanjung Malaysia ialah RM194 sebulan bagi setiap ahli isi rumah di Semenanjung, RM225 sebulan bagi setiap ahli isi rumah di Sabah dan RM208 sebulan bagi setiap ahli isi rumah di Sarawak. Manakala PGK makanan per kapita bagi mengukur

kemiskinan tegar bagi Semenanjung pula ialah RM114 bagi setiap ahli isi rumah, RM129 bagi setiap ahli isi rumah di Sabah dan RM132 bagi setiap ahli isi rumah di Sarawak. PGK yang diguna pakai ini sentiasa dikemaskini dengan mengambilkira perubahan harga bagi mencerminkan kesan perubahan harga dan kos hidup semasa.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2009, kadar kemiskinan adalah 3.8 peratus iaitu sebanyak 228,300 isi rumah.

Perincian mengikut negeri adalah seperti berikut:

Kadar dan anggaran bilangan isi rumah miskin mengikut negeri,
2009

Negeri	Kemiskinan	
	%	Bil
Johor	1.3	9,500
Kedah	5.3	22,400
Kelantan	4.8	14,800
Melaka	0.5	800
N.Sembilan	0.7	1,700
Pahang	2.1	7,100
P.Pinang	1.2	4,400
Perak	3.5	19,000
Perlis	6.0	3,200
Selangor	0.7	8,400
Terengganu	4.0	8,400
Sabah	19.7	99,100
Sarawak	5.3	27,100
WP Kuala Lumpur	0.7	2,500
MALAYSIA	3.8	228,300

**DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEDUA BELAS (2011)**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA Y.B. TAN SRI DATUK SERISYEDHAMID BIN
SYED JAAFAR ALBAR [KOTA TINGGI]**

TARIKH

24 OKTOBER 2011 [ISNIN]

SOALAN

NO. SOALAN: 25

Tan Sri Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar [Kota Tinggi] minta PERDANA MENTERI menyatakan usaha-usaha Kerajaan bagimenjamin semua bantuan dari wang zakat fitrah dan baitulmal dapat dilihat sebagai telus oleh umat Islam untuk mengatasi masalah kepinggiran dan kedaifan di peringkat negeri dan negara di kalangan umat Islam secara keseluruhan.

JAWAPAN: (YB SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, mengikut Jadual 9 Senarai II (1), Perlembagaan Persekutuan, Hal Ehwal Agama Islam termasuklah kutipan dan agihan zakat adalah terletak di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri yang dikendalikan oleh Majlis Agama Islam (MAIN) masing-masing.

Saya percaya Kerajaan Negeri telah, sedang dan akan mengambil tindakan terbaik dari masa ke semasa mengikut kemampuan masing-masing bagi mengendalikan dan meningkatkan perkhidmatan pengurusan zakat.

Dalam melaksanakan agihan zakat, terdapat dua kaedah utama yang diamalkan oleh MAIN dan agensi zakatnya bagi menyalurkan bantuan dana zakat kepada golongan asnaf. Kaedah pertama adalah melalui permohonan yang dibuat secara terus oleh pemohon dan kedua melalui pendekatan 'turun padang' di mana pegawai pengurusan zakat mengunjungi rumah atau tempat tinggal mereka yang memerlukan bantuan. Melalui pendekatan tersebut, MAIN menyediakan senarai pemohon dan penerima bantuan zakat

melalui bancian, siasatan dan kajian yang dibuat dari semasa ke semasa oleh pegawainya dengan kerjasama erat amil-amil, jawatankuasa masjid, persatuan penduduk, JKKK, Jabatan Kebajikan Masyarakat dan pemimpin-pemimpin masyarakat setempat. Tindakan bersepadu ini juga dapat memastikan bakal-bakal penerima zakat dapat dikesan secara menyeluruh.

Senarai pemohon dan penerima diproses dan dikemaskini dari semasa ke semasa dalam pangkalan data pengurusan zakat. Senarai berkenaan disemak dan diperhalusi oleh Jawatankuasa Agihan negeri masing-masing bagi memastikan mereka adalah tergolong dalam asnaf yang layak diberi bantuan menerusi pelbagai skim bantuan yang diperkenalkan tertakluk kepada syarat kelayakan dan had kifayah yang ditetapkan oleh negeri masing-masing.

Berdasarkan lapan asnaf itu, pelbagai skim bantuan ditawarkan dan diagihkan kepada para penerima yang layak. Antaranya bantuan kewangan bulanan, bantuan dermasiswa, bantuan perubatan, bantuan membina / membaiki rumah dan deposit membeli rumah kos rendah dan lain-lain. Dengan agihan dan skim-skim bantuan zakat seumpama inilah yang akan dapat membantu asnaf zakat daripada kedaifan dan kepinggiran.

Program-program pembangunan ekonomi yang mampu memberi impak yang tinggi (*High Impact Program*) kepada asnaf untuk keluar daripada belenggu kemiskinan melalui skim bantuan zakat juga diwujudkan Umpamanya skim latihan kemahiran, skim bantuan modal perniagaan, bantuan deposit sewa beli teksi, bantuan deposit membeli van / bas sekolah dan lain-lain. Di Wilayah Persekutuan misalnya, Baitulmal Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) menyediakan sebanyak 27 skim bantuan, sebahagian besarnya adalah sepertimana yang disebutkan itu.¹

Program-program skim bantuan ini membantu mereka keluar daripada kepompong kemiskinan dan dapat berdikari membina hidup yang lebih selesa. Seterusnya mereka akan keluar pula sebagai pembayar zakat. Inilah bentuk "pelaburan wang zakat" yang dikendalikan oleh MAIWP, Lembaga Zakat Selangor dan Majlis-Majlis Agama Islam Negeri yang lain agar dapat memberi faedah jangkamasa panjang kepada umat Islam.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA Y.B. TUAN JEFF OOI CHUAN
PERTANYAAN AUN [JELUTONG]
TARIKH LISAN
24/10/2011

SOALAN

Y.B. TUAN JEFF OOI CHUAN AUN [JELUTONG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan dari segi ketelusan *corporate governance*, apakah penjelasan pengurusan Khazanah Nasional Berhad mengenai kes Malaysia Airline System (MAS) yang didakwa oleh GIRO - Warranty House International, Inc. di mahkamah Oklahoma, Amerika Syarikat, kerana melanggar kontrak dan salah nyata fraud serta tuntutan ganti rugi sehingga AS\$80 juta (RM238 juta).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Malaysian Airline System Berhad (MAS) kini sedang menyemak dakwaan GIRO - Warranty House International, Inc. (GIRO) mengenai pelanggaran kontrak dan salah nyata fraud dengan bantuan peguam luar.

2. Dari segi tadbir urus korporat, MAS telah mematuhi segala polisi dalaman korporatnya semasa memeterai perjanjian dengan pihak GIRO pada tahun 2008 bagi memanfaatkan perkhidmatan berkaitan tuntutan jaminan yang disediakan oleh pihak berkenaan. Polisi dalaman korporat MAS tersebut adalah selari dengan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia.

SOALAN NO: 27

**PEMBERITAHU
AN
PERTANYAAN
DARIPADA RAKYAT**

**JAWAB LISAN
TUAN WILLIAM @ NYALLAU
ANAK BADAK [LUBOK ANTU]**

**TARIKH
24 OKTOBER 2011 (ISNIN)**

SOALAN:

Tuan William @ Nyallau Anak Badak [Lubok Antu] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan bolehkah (TVi) ditambahkan siarannya daripada ¹/₄ jam sahaja kepada satu jam untuk bahasa Kadazan Dusun dan Bahasa Iban kerana ianya benar-benar diminati penduduk di negeri Sabah dan Sarawak untuk mendapatkan maklumat penting daripada pihak Kerajaan khasnya penduduk di luar bandar.

JAWAPAN:

Tuan Yang DiPertua,

Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK) melalui RTM telah menyiarkan siaran berita dalam bahasa Iban dan Kadazan melalui saluran baharu Tvi yang pada masa ini disiarkan selama 30 minit sehari. RTM akan mengkaji semula keperluan untuk menambah masa siaran mengikut permintaan dan keberkesanannya pada khalayak sasar.

SOALAN NO: 27

Di samping itu TVi juga menyiarkan berita dari Sabah dan Sarawak selama 30 minit setiap pagi untuk mengetengahkan liputan peristiwa, aktiviti-aktiviti dan pembangunan di Sabah dan Sarawak.

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA TUAN WONG HO LENG
[SIBU]

TARIKH 24 OKTOBER 2011

SOALAN:

minta Perdana Menteri menyatakan kadar kemiskinan dan kemiskinan tegar di Sarawak dan apakah langkah-langkah yang sedang diambil untuk kemiskinan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Terdapat empat kategori maklumat kemiskinan yang boleh dijana dari Sistem eKasih, iaitu Miskin Tegar, Miskin, Mudah Miskin dan Terkeluar. Sehingga 17 Oktober 2011, sebanyak 56,756 isi rumah di negeri Sarawak telah berdaftar di dalam eKasih.

Dari jumlah tersebut, sebanyak 3,001 isi rumah (5.3%) masih berada dalam kategori Miskin Tegar, 25,515 isi rumah (50%) kategori Miskin, 23,207 isi rumah (40.9%) Mudah Miskin dan selebihnya adalah Terkeluar.

Kerajaan sentiasa merencana dan merancang strategi dalam membasmi kemiskinan diseluruh negara, termasuk Sabah dan Sarawak. Terdapat banyak program dan bantuan yang telah, sedang dan akan dilaksanakan secara berterusan oleh Kerajaan Pusat dan Negeri, khusus bagi memastikan kadar kemiskinan terus turun di samping membantu meringankan beban rakyat. Seajar dengan prestasi pelaksanaan program pembangunan koridor dalam tempoh RMK-9 dan aspirasi di dalam RMK-10, Kerajaan akan terus komited dalam memastikan program-program pembasmian kemiskinan terutamanya bagi kumpulan 40% terendah dilaksanakan dengan memberi fokus kepada kumpulan terencil serta etnik-etnik tertentu yang sukar untuk dicakup di pedalaman. Pembangunan memfokuskan strategi dan tumpuan penyaluran bantuan mengikut kluster bantuan yang dilaksanakan seperti berikut:

- (i) **kluster bantuan program peningkatan pendapatan** yang juga di bawah teras Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) bagi menyediakan dan meningkatkan tahap kesejahteraan rakyat. Ia dilaksanakan melalui Program 1AZAM yang diterajui oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

(KPWKM);

kluster penyediaan infrastruktur asas iaitu Infrastruktur Asas Luar Bandar (NKRA-BRI) meliputi Jalan Luar Bandar, Bekalan Air luar Bandar, Bekalan Elektrik Luar Bandar dan Program Bantuan Rumah (PBR) di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) terus dilaksanakan dengan tumpuan kepada kumpulan sasar yang sukar dihubungi dan menduduki rumah yang daif dan tidak selamat untuk diduduki;

kluster sosio kebajikan dan pembangunan modal insan serta perkhidmatan kesihatan di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat, Kementerian Pelajaran dan Kementerian Kesihatan juga diteruskan dengan tumpuan kepada kumpulan sasar yang tidak produktif dengan bantuan tunai, peralatan dan modal; dan

Program Pembasmian Kemiskinan Bandar (PPKB) dilaksanakan dengan memfokuskan kepada kemiskinan tegar di kawasan-kawasan bandar bagi meningkatkan kesejahteraan isi rumah berkenaan.

NO. AUF - T*

NO. AUF - T*

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK MOHD NASIR BIN IBRAHIM FIKRI
[KUALA NERUS]
TARIKH : 24 OKTOBER 2011
RUJUKAN : 4127

SOALAN:

Datuk Mohd Nasir bin Ibrahim Fikri [Kuala Nerus] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan jumlah Pendatang Asing Tanpa Izin yang gagal didaftar melalui program 6P mengikut pecahan warganegara dan apakah tindakan seterusnya bagi menangani masalah tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Terima kasih saya ucapkan kepada Ahli Yang Berhormat Kuala Nerus yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Program Penyelesaian Menyeluruh Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) atau Program 6P bertujuan untuk mendapatkan data dan rekod mengenai keberadaan serta jumlah sebenar PATI di negara ini. Di bawah program ini, PATI yang berada dalam negara dikehendaki keluar mendaftar dan diambil maklumat biometrik mereka untuk tujuan rekod dan pemantauan.

Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah sebenar PATI tidak diketahui. Kementerian tidak mempunyai maklumat atau statistik mengenai jumlah sebenar PATI yang berada di dalam negara ini. Dengan demikian, Kementerian tidak dapat memberikan jumlah PATI yang gagal mendaftar.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

NO. SOALAN: 86

DARIPADA YB. TUAN MANOGARAN A/L MARIMUTHU
[TELOK INTAN]

TARIKH 24 OKTOBER 2011

SOALAN

Tuan Manogaran a/l Marimuthu [Telok Intan] minta PERDANA MENTERI menyatakan Pelantikan Ketua Hakim Negara, Presiden Mahkamah Rayuan dan Ketua Hakim Malaya baru-baru ini dibuat tanpa mengambil kira lain-lain Hakim yang lebih kanan (senior) dan lebih berkelayakan. Apakah kriteria yang digunakan untuk ketiga-tiga jawatan tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Mengikut Perkara 122B Perlembagaan Persekutuan, Perdana Menteri hendaklah berunding dengan Ketua Hakim Negara sebelum memberikan nasihatnya kepada Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong tentang pelantikan seseorang hakim selain pelantikan Ketua Hakim Negara Mahkamah Persekutuan. Walaubagaimanapun, dengan berkuatkuasanya Akta Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman 2009 (Akta 695), YAB Perdana Menteri akan memberi pertimbangan kepada nama-nama yang telah dipilih oleh Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman bagi pelantikan hakim-hakim mahkamah atasan termasuk jawatan Ketua Hakim Negara, Presiden Mahkamah Rayuan dan Hakim-Hakim Besar. Pemilihan yang dibuat oleh Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman adalah secara Undi Sulit dan keputusan majoriti sebagaimana

NO. SOALAN: 87

yang diperuntukkan dalam subseksyen 24(5) Akta Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman 2009 (Akta 695). Nama-nama yang dipilih tersebut akan dikemukakan oleh Ketua Hakim Negara yang juga Pengerusi Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman kepada YAB Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua,

Kekananan bukanlah merupakan salah satu faktor yang mutlak bagi pemilihan ketiga-tiga jawatan tersebut. Walaubagaimanapun, semasa pemilihan setiap jawatan yang berkenaan, Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman telah menimbang semua nama-nama yang terkanan dalam senarai hakim-hakim mahkamah atasan. Oleh itu, adalah tidak benar sama sekali dakwaan yang menyatakan pelantikan Ketua Hakim Negara, Presiden Mahkamah Rayuan dan Hakim Besar Malaya dibuat tanpa mengambilkira kedudukan lain-lain hakim yang lebih kanan.

Tuan Yang di-Pertua,

Kriteria pemilihan jawatan Ketua Hakim Negara, Presiden Mahkamah Rayuan dan Hakim Besar Malaya adalah berdasarkan kepada merit dengan merujuk kepada kriteria-kriteria yang dinyatakan dalam seksyen 23 Akta Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman 2009 (Akta 695) di antaranya adalah integriti, kompetensi, pengalaman profesional dan ketegasan membuat penghakiman. Suruhanjaya telah pun menyediakan garis panduan yang jelas mengenai setiap kriteria yang telah ditetapkan tersebut.

Sekian. Terima kasih.

NO. SOALAN: 31

PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN
BAGI JAWAB
LISAN PER LISA
DARIPADA TAN N
DEWAN
TARIKH RAKYAT

DATO' JOHARI BIN ABDUL [SUNGAI PETANI]

24 OKTOBER 2011

RUJUKAN

4124

SOALAN :

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani] minta **MENTERI DALAM**

NEGERI menyatakan:-

(a) Adakah benar dikatakan 90,000 orang warga asing yang didaftarkan dengan Suruhanjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Bagi Orang Pelarian (UNHCR) dikenal pasti menjadi antara sasaran sindiket penyeludupan manusia di negara ini; dan

(b) Nyatakan kaedah yang digunakan untuk memerangi sindiket penyeludupan manusia di negara ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Sungai Petani yang telah mengemukakan pertanyaan.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli yang Berhormat dan Dewan yang Mulia ini, adalah tidak benar dakwaan yang mengatakan bahawa terdapat 90,000 orang warga asing yang berdaftar dengan Suruhanjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Bagi Orang Pelarian (UNHCR) menjadi sasaran sindiket penyeludupan manusia. Ini adalah kerana, sehingga kini tiada sebarang laporan rasmi yang diterima oleh pihak berkuasa berhubung kenyataan tersebut.

Sidang Dewan yang dihormati sekalian,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan amat memandang serius akan jenayah pemerdagangan orang dan penyeludupan migran. Sehubungan dengan itu pelbagai tindakan telah dan sedang diambil bagi menangani kedua-dua jenayah tersebut. Antara tindakan yang diambil oleh Kerajaan adalah:-

- a) melalui penguatkuasaan Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 yang memberikan hukuman berat

kepada pesalah-pesalah ini;

- b) menubuhkan Majlis Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (MAPO) selaras dengan peruntukan di dalam Akta;
- c) melancarkan Pelan Tindakan Kebangsaan Antipemerdagangan Orang sebagai panduan untuk melaksanakan usaha membanteras jenayah pemerdagangan orang;
- d) melaksanakan pelbagai program bina upaya (*capacity building*) bagi meningkatkan kefahaman dan kemahiran di kalangan anggota penguatkuasaan, perundangan dan kehakiman mengenai pemerdagangan manusia dan penyeludupan migran;
- e) mengadakan kempen-kempen kesedaran awam, menyiarkan poster-poster mengenai jenayah pemerdagangan orang di media-media cetak dan elektronik dalam pelbagai bahasa, memasang *billboard* di laluan utama ke KLIA dan juga pengumuman udara di dalam penerbangan serta Lapangan Terbang Antarabangsa;

- f) melaksanakan Program 6P iaitu Pendaftaran, Pemutihan, Pengampunan, Pemantauan, Penguatkuasaan dan Pengusiran; dan
- g) mengadakan kerjasama erat dengan beberapa negara luar seperti Australia, Amerika Syarikat, Belanda dan United Kingdom dan juga beberapa pertubuhan antarabangsa seperti International Organization for Migration (IOM), United Nations Office on Drugs and Crime (UNODC) dan The Center for the Protection of Children's Rights Foundation (CPCR) dalam aspek bina upaya (*capacity building*).

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADAY.B TUAN SIVARASA
A/L
K.RASIAH
(SUBANG)**

**TARIKH 24.10.2011
(ISNIN)**

SOALAN :

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan adakah 'komisen' tambahan selain daripada komisen 114.9 juta Euro dan juga 'komisen' 30 juta Euro dan 2.5 juta Euro yang dibayar kepada pihak-pihak lain termasuk Perimekar Sdn. Bhd. dan syarikat di Malta bernama Gifen yang berkaitan dengan pembelian kapal selam Scorpene.

Tuan Yang di-Pertua,

JAWAPAN:

Berhubung dengan dakwaan tersebut, Kementerian Pertahanan sekali lagi ingin menegaskan bahawa tiada pembayaran komisen dibuat kepada mana-mana pihak dalam perolehan kapal selam Scorpene. Kerajaan membuat bayaran mengikut kontrak kepada kontraktor iaitu; DCNS Perancis dan Navantia, Sepanyol untuk pembinaan kapal selam, manakala Syarikat Perimekar Sdn. Bhd. untuk perkhidmatan koordinasi Tim Projek dan Krew Kapal Selam.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

NO. SOALAN: 34

DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA TUAN MOHSIN FADZLI BIN HAJI SAMSURI
[BAGAN SERAI]
TARIKH 24 OKTOBER 2011
RUJUKAN 4125

SOALAN:

Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [Bagan Serai] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan butiran pesalah dadah yang telah disabitkan kesalahan mereka di bawah Seksyen 39B

- (a) berapa ramai dan negara asal mereka sejak 2005, berapakah kos membiayai mereka sehingga mereka menjalani hukuman mandatori; dan
- (b) apakah pelan dan tindakan jangka panjang untuk menangani masalah tersebut yang kini menjadikan Malaysia sebagai transit.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Bagan Serai yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, bagi menjawab soalan (a), mengikut statistik Jabatan Penjara Malaysia dari tahun 2005 hingga September 2011 seramai 528 pesalah dadah telah disabitkan di bawah Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952. Daripada jumlah tersebut seramai 375 pesalah berkaitan terdiri daripada warganegara Malaysia manakala 153 pesalah lagi adalah warga asing dari Indonesia, Thailand, India, Filipina, Singapura, Iran, Nigeria, Peru dan lain-lain negara. Jika dikehendaki saya akan beri secara bertulis.

Sehubungan dengan kos untuk membiayai mereka, Jabatan Penjara Malaysia mentaksirkan atas kadar sebanyak RM35.00 seorang bagi satu hari. Pembiayaan ini adalah termasuk penyediaan makanan, pakaian, perubatan, peralatan, emolomen kakitanga penjara dan utiliti.

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi menjawab soalan (b) Kerajaan sememangnya amat serius dalam menangani aktiviti pengedaran dadah di negara ini. Bagi membanteras kegiatan ini Kerajaan melalui Polis Diraja Malaysia (PDRM) telahpun mengambil tindakan seperti berikut:-

- 1) memperkasakan penguatkuasaan dan pemantauan di pintu-pintu masuk utama negara seperti lapangan terbang antarabangsa, pintu masuk sempadan darat serta pelabuhan dan terminal feri antarabangsa;
- 2) memantap dan mempertingkatkan kerjasama pertukaran maklumat risikan dan operasi bersama dengan agensi penguatkuasaan negara asing terutamanya negara-negara pengeluar dadah;
- 3) mengeratkan hubungan kerjasama antara agensi penguatkuasaan tempatan seperti:-
 - (i) perkongsian mesin pengimbas di lapangan terbang antarabangsa dan pintu masuk di sempadan bersama Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM); dan
 - (ii) mendapatkan profail penumpang pesawat yang disyaki daripada Jabatan Imigresen Malaysia.

Bagi memantapkan lagi tindakan sedia ada, beberapa pelan tindakan jangka panjang telah dirangka. Antaranya ialah:-

- 1) pindaan ke atas Seksyen 21 Akta Dadah Berbahaya 1952 berkaitan dengan Dadah Berbahaya Dalam Transit yang mana buat masa kini, hukuman yang diperuntukan dibawah Seksyen ini adalah denda tidak lebih daripada RM20,000.00 atau penjara tidak lebih daripada 5 tahun atau kedua-duanya sekali, dimana hukuman ini dicadang untuk dipertingkatkan lagi kepada hukuman yang lebih berat;
- 2) cadangan untuk menempatkan pegawai perhubungan narkotik di tujuh (7) buah negara pada peringkat permulaan iaitu Vietnam, Kemboja, Netherland, Peru, Hong Kong, Iran dan Laos;
- 3) cadangan untuk meluaskan unit risikan di sempadan, unit narkotik di lapangan-lapangan terbang antarabangsa serta pelabuhan-pelabuhan antarabangsa negara; dan
- 4) cadangan mewujudkan Unit Risikan Kewangan bagi menyiasat sindiket pengedaran dadah melalui transaksi kewangan mencurigakan yang dijalankan oleh mereka.

NO.SOALAN :34

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA TUAN LIEW CHIN TONG
[BUKIT BENDERA]

TARIKH 24 OKTOBER 2011

SOALAN:

TUAN LIEW CHIN TONG minta PERDANA MENTERI menyatakan secara terperinci tentang kos dan belanjawan pelaksanaan dakwat kekal dan pengesahan biometrik bagi Suruhanjaya Pilihanraya (SPR), serta prosedur-prosedur dan peraturan-peraturan untuk proses tender dan perundingan (*consultation*) untuk pengesahan biometrik.

NO.SOALAN :34

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di Pertua.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, SPR telah memaklumkan bahawa mereka sedang di peringkat mengkaji sama ada untuk menggunakan sistem biometrik atau pun menggunakan dakwat kekal bagi verifikasi pemilih semasa pilihan raya. Justeru tidak timbul soal kos perbelanjaan seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat.

Bagaimanapun, kaedah sedia ada yang diamalkan pada masa ini, masih lagi relevan dan selamat serta menjamin ketelusan proses pengundian yang dilaksanakan.

Namun begitu, sekiranya Ahli Yang Berhormat berpendapat proses pilihan raya yang sedia ada perlu ditambahbaik lagi, maka eloklah dikemukakan pandangan dan cadangan tersebut kepada Jawatankuasa Pilihan Khas Berhubung Dengan Penambahbaikan Proses Pilihan Raya untuk dikaji sebelum dikemukakan kepada SPR untuk dilaksanakan mengikut masa dan keadaan serta kemampuan.

Sekian, terima kasih.

**DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT PARLIMEN**

NO. SOALAN :i5

KEDUA BELAS

(2011) _____

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA YB TUAN JOHN A/L FERNANDEZ
[SEREMBAN]

TARIKH 24 OKTOBER 2011 [ISNIN]

SOALAN:

Tuan John A/L Fernandez [Seremban] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :

- (a) secara terperinci dari 30 Jun 2011, jumlah orang yang menukar agama kepada agama Islam mengikut pecahan kaum; dan
- (b) adakah terdapat sebarang undang-undang di mana keluarga mereka ini sepatutnya diberitahu mengenai pertukaran agama ini bagi mengelakkan perebutan jenazah apabila penganut tersebut meninggal dunia.

JAWAPAN: (Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, urusan permohonan menukar agama kepada agama Islam adalah diuruskan oleh Jabatan Agama Islam

Negeri-negeri. Bagi Wilayah Persekutuan, berdasarkan maklumat dari Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan, purata permohonan menukar agama kepada agama Islam adalah seramai 70 orang sebulan. Permohonan adalah terdiri dari pelbagai kaum, termasuk warga Filipina, Myanmar, Thailand dan Banglades.

(b) Pada masa ini, Kerajaan tidak menetapkan apa-apa peraturan kepada saudara baru Islam untuk memaklumkan kepada keluarga mereka bahawa mereka telah memeluk Islam. Tindakan untuk memaklumkan kepada ahli keluarga adalah terserah kepada kebijaksanaan dan budi bicara saudara baru tersebut.

Dalam hal ini, Kerajaan sentiasa mendapatkan nasihat dan pandangan daripada para ulama sebelum melaksanakan apa-apa cadangan yang berhubungan dengan kemaslahatan umat Islam. Dalam masa yang sama, Kerajaan juga berusaha untuk mengimbangi tuntutan-tuntutan dari pelbagai pihak selagi tuntutan tersebut tidak bercanggah dengan kedudukan agama Islam sebagai agama bagi Persekutuan dan peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa di negara ini.

Justeru, peruntukan undang-undang yang sedia ada mengenai kemasukan Islam dan perkara berkaitan dengannya adalah mencukupi serta amalan sedia ada akan diteruskan.

Bagi mengelakkan perebutan jenazah apabila penganut tersebut meninggal dunia, keluarga yang berkenaan perlu menerima hakikat bahawa ahli keluarganya yang meninggal setelah menganut, telah berpindah tanggungjawab menguruskan jenazahnya kepada saudara muslimnya. Seorang yang meninggal dunia wajib diurus mayatnya mengikut agamanya yang terakhir. Tiada sebarang kepentingan bagi orang Islam selain menunaikan tanggung jawab tersebut. Persefahaman ini adalah satu langkah ke arah kebebasan beragama seperti termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan, dimana semua penganut agama selain Islam boleh mengamalkan agama masing-masing dalam keadaan harmoni iaitu tidak ada elemen provokasi dalam kebebasan beragama.

Sekian, terima kasih

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA: TUAN FONG KUI LUN [BUKIT BINTANG]

TARIKH 24 OKTOBER 2011

RUJUKAN 4126

NO. SOALAN : 36

SOALAN:

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan

- (a) bagaimanakah sambutan pendaftaran PATI menerusi program Amnesti Pendatang Asing dari segi bilangan dan kategori serta negara terlibat; dan
 - (b) bilangan pendatang asing yang menjadi pemastautin tetap dan warganegara sepanjang 3 tahun lalu.
- Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Bukit Bintang yang mengemukakan pertanyaan.

Bagi menjawab pertanyaan (a), Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah melaksanakan Program Penyelesaian Menyeluruh Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) atau Program 6P yang bertujuan untuk mendapatkan data dan rekod mengenai keberadaan serta jumlah sebenar PATI di negara ini. Melalui Pendaftaran PATI iaitu fasa pertama dalam Program 6P seramai 1,303,126 orang PATI telah berdaftar. Pecahan statistik PATI yang berdaftar mengikut 5 negara paling ramai adalah seperti berikut:

- 1) Indonesia seramai 640,609 orang;
- 2) Bangladesh seramai 267,803 orang;

JAWAPAN:

- 3) Myanmar seramai 144,098 orang;
- 4) Nepal seramai 33,437 orang; dan
- 5) India seramai 52,478 orang.

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi menjawab pertanyaan (b), Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, bilangan warga asing yang menjadi pemastautin tetap dan telah dianugerahkan taraf

kewarganegaraan Malaysia sepanjang tempoh tiga (3) tahun yang lalu (2009 sehingga Ogos 2011) adalah seramai 19,959 orang.

Pecahan jumlah mengikut tahun adalah seperti berikut

TAHUN	JUMLAH
2009	3,969
2010	11,634
2011 (Sehingga Ogos 2011)	4,356
JUMLAH KESELURUHAN	19,959

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA TUAN TAN KOK WAI [CHERAS]
TARIKH 24 OKTOBER 2011 (ISNIN)

SOALAN TUAN TAN KOK WAI [CHERAS] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan keadaan terkini perbezaan pendapatan dalam negara yang semakin teruk dan serius dan strategi-strategi yang diambil, jika ada, oleh Kerajaan untuk memastikan kesaksamaan dalam pendapatan. Nyatakan peratusan kekayaan negara yang dimiliki atau diterima oleh 10 peratus

NO. SOALAN: 38

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

golongan rakyat yang terkaya dan peratusan rakyat Malaysia yang disifatkan sebagai miskin dan apakah kayu pengukur untuk menentukan kemiskinan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Rancangan pembangunan negara mulai 1970an sehingga kini telah berjaya mengurangkan kadar kemiskinan dengan ketara iaitu daripada 49.3 peratus pada tahun 1970 kepada hanya 3.8 peratus pada tahun 2009. Ini juga menyebabkan tahap ketidakseimbangan keseluruhan semakin

bertambah baik seperti ditunjukkan dengan pengurangan pekali Gini daripada 0.462 pada tahun 2004 kepada 0.441 pada tahun 2009. Jurang pendapatan di antara kumpulan etnik juga bertambah baik dengan pengurangan nisbah ketaksamaan pendapatan antara kaum Bumiputera dengan kaum Cina daripada 1:1.64 pada tahun 2004 kepada 1:1.38 pada tahun 2009; kaum Bumiputera dengan kaum India daripada 1:1.27 kepada 1:1.10 dan kaum India dengan kaum Cina daripada 1:1.28 kepada 1:1.25 dalam tempoh yang sama.

Sungguhpun begitu, Kerajaan akan terus mengambil langkah untuk memperbaiki tahap jurang ketaksamaan pendapatan di kalangan rakyat. Dalam konteks ini, Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) akan memberi tumpuan untuk merealisasikan program pembangunan bagi kumpulan isi rumah berpendapatan 40 peratus terendah termasuk program peningkatan kapasiti dan keupayaan; program peningkatan pendapatan; program memperkukuhkan jaringan keselamatan sosial; dan program untuk mesyarakat sasaran khusus termasuk program-program pendidikan, latihan kemahiran dan jurang ketaksamaan pendapatan di kalangan rakyat

Tuan Yang Di-Pertua,

Berdasarkan agihan pendapatan pada tahun 2009, peratusan pendapatan negara yang dimiliki oleh kumpulan isi rumah berpendapatan 10 peratus tertinggi adalah 33.1 peratus manakala isi rumah

berpendapatan 10 peratus terendah adalah 2.0 peratus.
Tuan Yang Di-Pertua,

Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) diguna pakai bagi menentukan garis kemiskinan dengan mengambil kira kos sara hidup, harga barangan dan keperluan asas kualiti hidup rakyat Malaysia. PGK purata bagi tahun 2009 ialah RM194 bagi setiap ahli isi rumah di Semenanjung, RM225 bagi setiap ahli isi rumah di Sabah dan RM208 bagi setiap ahli isi rumah di Sarawak. PGK yang digunakan tersebut masih relevan dan akan terus diguna pakai dan dikemas kini dari semasa ke semasa bagi mengambil kira perubahan harga dan kos hidup rakyat.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT MALAYSIA
LISAN

PERTANYAAN

PUAN TERESA KOK SUH SIM

DARIPADA

SEPUTEH

KAWASAN

24.10.2011 (ISNIN)

TARIKH NO.

& 1%

~~SOALAN~~ PUAN TERESA KOK SUH SIM minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan kutipan cukai import kenderaan dari luar negeri yang dikutip oleh Kastam pada tahun 2007, 2008, 2009, 2010 dan kutipan sehingga bulan Jun 2011. Bilakah Kerajaan akan membuka pasaran kereta tempatan supaya kenderaan buatan luar negara boleh masuk ke pasaran Malaysia tanpa bayar duti import.

Jawapan ,

Tuan Yang Di Pertua,

Cukai import kenderaan dari luar negara yang dikutip oleh Jabatan Kastan DiRaja Malaysia bagi tahun 2007 hingga Jun 2011 adalah seperti berikut:

Tahun	Jumlah (RM juta)
2007	360
2008	509
2009	489
2010	614
2011 (sehingga Jun)	335

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan, di bawah kajian semula Dasar Automotif Nasional (NAP) yang diumumkan pada 28 Oktober 2009, telah menetapkan bahawa kadar semasa duti import dan duti eksais bagi semua jenis kenderaan adalah dikekalkan. Langkah ini bertujuan untuk mengekalkan pendapatan Kerajaan daripada kutipan cukai ke atas kenderaan.

Namun demikian, di bawah rundingan perjanjian perdagangan bebas (FTA), liberalisasi ke atas industri automotif dilakukan secara progresif. Melalui perjanjian ini, duti import dikurangkan dan dihapuskan bagi memudahkan kemasukan kenderaan dari luar negara. Pengurangan dan penghapusan duti import secara berperingkat akan menggalakkan industri automotif domestik menjadi lebih kompetitif disebabkan terdapat persaingan dengan produk import.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR [POKOKSENA]
TARIKH	24 OKTOBER 2011

SOALAN:

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah tindakan penyelesaian kepada krisis pertukaran dan pemindahan bekas Ketua Pengarah JKR, Datuk Seri Judin Abd. Karim ke jawatan Ketua Eksekutif CIDB yang diambil oleh Jabatan Perkhidmatan Awam mengikut standard

SOALAN NO. : 9

dan piawaian mengikut perintah am perkhidmatan awam.

JAWAPAN: Y.B. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Tiada krisis berlaku dalam urusan pelantikan secara peminjaman YBhg. Dato' Sri Ir. Dr. Judin bin Abd Karim, bekas Ketua Pengarah Kerja Raya sebagai Ketua Eksekutif, Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB). Apa yang berlaku adalah isu pelaksanaan di mana terdapat salah faham antara pihak-pihak terlibat dan isu pelaksanaan ini telah dapat diselesaikan serta dapat diterima dengan baik oleh semua pihak.

Pelantikan pegawai sebagai Ketua Eksekutif, Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) secara peminjaman

NO. SOALAN: 40

adalah dibuat selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 12 Tahun 2008 bertajuk “Dasar dan Prosedur Pelantikan Secara Peminjaman, Pertukaran Sementara Dan Pertukaran Tetap”.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA YB TUAN GOBIND SINGH DEO

TARIKH 24 OKTOBER 2011 (ISNIN)

SOALAN

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tindakan yang akan diambil terhadap ketiga-tiga pegawai SPRM yang didapati oleh Suruhanjaya Diraja untuk menyiasat kematian Teoh Beng Hock bertanggungjawab soal siasat beliau dengan agresif, berlarutan menindas dan keji pada 15 dan 16.7.2009 dan sekiranya

NO. SOALAN: 41

tindakan akan diambil di bawah Kanun Keseksaan terhadap mereka dan sekiranya tidak, kenapa.

NO. SOALAN: 40

JAWAPAN: DATO' SERI MOHAMED NAZR1 ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, berikutan Laporan Suruhanjaya untuk Menyasat Kematian Teoh Beng Hock, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah mengambil tindakan untuk menubuhkan suatu Pasukan Siasatan Khas. Antara tugas Pasukan Siasatan Khas yang ditubuhkan oleh SPRM itu adalah untuk menzahirkan fakta-fakta yang terkandung dalam Laporan Suruhanjaya tersebut berkaitan tiga orang pegawai SPRM yang dinamakan dalam Laporan tersebut dan menyediakan suatu Laporan Tatatertib sekiranya wujud kesalahan atau pelanggaran peraturan serta prosedur untuk dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Tatatertib yang berkenaan.

Pasukan Siasatan Khas SPRM tersebut telahpun menjalankan siasatan dalaman terhadap ketiga-tiga Pegawai SPRM. Pasukan tersebut juga telah membentangkan laporan siasatannya kepada Jawatankuasa Aduan yang ditubuhkan di bawah Seksyen 15 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009. Jawatankuasa Aduan ini telah meminta supaya siasatan lanjut dijalankan sebelum dikemukakan kepada Jawatankuasa Tatatertib.

Untuk makluman ahli Yang Berhormat lagi, Jabatan Peguam Negara juga sedang mengkaji Laporan Suruhanjaya tersebut. Bagi menentukan sama ada tindakan bagi kesalahan jenayah boleh diambil terhadap 3 orang

NO. SOALAN: 41

pegawai SPRM yang dinamakan dalam Laporan tersebut, suatu siasatan

NO. SOALAN: 40

terperinci perlulah dijalankan oleh pihak polis terhadap penemuan Suruhanjaya berkenaan. Setelah siasatan lengkap, Kertas Siasatan yang berkenaan bolehlah dirujuk kepada Jabatan Peguam Negara bagi mengenal pasti bentuk kesalahan yang telah dilakukan.

Seterusnya, Jabatan Peguam Negara akan meneliti sama ada terdapat keterangan kukuh untuk mendakwa mereka yang terlibat sama ada di bawah Kanun Keseksan mahupun mana-mana undang-undang lain yang bersesuaian. Jika didapati ada keterangan dan bukti kukuh untuk mengaitkan mana-mana pihak yang terlibat dengan kejadian tersebut, Jabatan Peguam Negara akan mengemukakan pertuduhan di mahkamah tanpa mengira status dan pangkat pihak tersebut.

Dalam kes ini, adalah tidak mencukupi dan tidak wajar untuk Jabatan Peguam Negara mengemukakan pertuduhan ke atas mana-mana pihak dengan hanya bergantung kepada Laporan Suruhanjaya sahaja tanpa meneliti keterangan saksi-saksi dan maklumat lain yang boleh menyokong dakwaan bahawa terdapat soal siasat yang berbentuk agresif, menindas dan keji yang telah dilakukan.

Sepanjang pengetahuan Jabatan ini, tiada apa-apa laporan polis dibuat oleh mana-mana pihak berhubung dengan penemuan Suruhanjaya berkenaan dan tiada Kertas Siasatan dikemukakan ke Jabatan ini untuk tindakan selanjutnya.

Sekian. Terima kasih.

No * SoArt~A.Ki :

41 -NO-AUM-42'

NO--AUP !*

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT
PERTANYAAN LISAN
DARIPADA DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT
[HULULANGAT]
TARIKH 24 OKTOBER 2011
RUJUKAN 4128

SOALAN:

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan rasional kenapa Anggota Polis Diraja Malaysia tidak di carum dengan caruman Perkeso.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Y.B. Hulu Langat yang telah mengemukakan soalan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang Mulia, berdasarkan Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969, fungsi utama Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) ialah bertindak sebagai skim insurans sosial yang ditadbir oleh Kerajaan bagi menyediakan bantuan kewangan kepada para pekerja dan tanggungannya apabila berlaku kejadian-kejadian luar jangkaan yang mengakibatkan kematian atau hilang keupayaan, atau penderitaan berkesan daripada penyakit. Keutamaan diberikan kepada sektor perusahaan dan perindustrian.

Sehubungan dengan ini, pegawai dan anggota PDRM adalah dikecualikan di bawah Jadual Pertama, Seksyen 2(7) Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 yang menyatakan

“Seorang pegawai polis, dan mana-mana orang lain yang diambil bekerja bagi menjalankan kewajipan-kewajipan polis mengikut peruntukan mana-mana undang-undang bertulis semasa menjalankan kewajipan-kewajipan itu“.

Walau bagaimanapun, pegawai dan anggota PDRM yang terlibat di dalam kejadian luar jangka akan menerima bantuan kewangan berdasarkan pampasan Ex-Grafia mengikut surat Pekeliing Perbendaharaan bil. 13 tahun 1994, Arahan Perbendaharaan bil. 7 tahun 2001 dan Pekeliing Perkhidmatan bil. 17 tahun 2008. Selain daripada itu, anggota dan pegawai PDRM juga menerima bantuan melalui tabung-tabung PDRM seperti Kumpulan Wang Polis, Tabung Kebajikan PDRM (TKPDRM), Tabung Pegawai Kanan Polis dan Tabung Amanah Perwira & Pertahanan Negara (TAPPN).

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA DATUK SAPAWI BIN HAJI AHMAD (SIPITANG)

TARIKH 24 OKTOBER 2011 (ISNIN)

SOALAN:

Datuk Sapawi bin Haji Ahmad minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimana proses kajian persempadanan baru oleh pihak Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) memandangkan kebelakangan ini banyak permintaan

JAWAPAN:

dikemukakan supaya ditambah bilangan kerusi, sama ada DUN mahu pun

Parlimen.

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mengikut Perkara 113 (2) Perlembagaan Persekutuan, SPR dikehendaki mengulangkaji persempadanan semula bahagian-bahagian pilihan raya setiap 8 tahun sekali mengikut prinsip-prinsip dan prosidur yang ditetapkan oleh Bahagian I, Jadual Ketiga Belas Perlembagaan Persekutuan.

Mengikut peruntukan yang ditetapkan oleh perlembagaan, prinsip-prinsip dan prosedur persempadanan adalah seperti berikut:-

- (i) Kemudahan diadakan bagi pemilih-pemilih mengundi semasa pilihan raya dan bahagian pilihan raya tidak melanggar sempadan negeri.
- (ii) Mengambil kira kemudahan pentadbiran yang boleh didapati dalam bahagian pilihanraya itu untuk mengadakan jentera yang perlu bagi pendaftaran dan pengundian.

- (iii) Jumlah pemilih yang seimbang bagi setiap bahagian pilihan raya dalam sesuatu Negeri kecuali apabila terdapat kesukaran perhubungan dan pengangkutan yang dihadapi di luar bandar, luas bahagian pilihan raya patut diberi pertimbangan.

- (iv) mengekalkan perhubungan masyarakat tempatan.

Dalam melaksanakan urusan persempadanan semula bahagian-bahagian pilihan raya tersebut, SPR akan melihat keseluruhan persempadanan di seluruh Negeri-negeri Tanah Melayu dan Sabah tanpa menumpukan pada sesuatu bahagian pilihan raya sahaja. Tindakan yang akan dijalankan adalah berdasarkan kepada prinsip-prinsip persempadanan dan tatacara persempadanan yang ditetapkan oleh Jadual Ketiga Belas, Bahagian I Perlembagaan Persekutuan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

SOALAN NO. : 9

DARIPADA Y.B. DATUK HAJIBAHARUM
 BIN MOHAMED
KAWASAN SEKIJANG
TARIKH 24 OKTOBER 2011 (ISNIN)

SOALAN:

Y.B. DATUK HAJI BAHARUM BIN MOHAMED (SEKIJANG) minta MENTERI KERJA RAYA menyatakan apakah perancangan jangka pendek dan jangka panjang yang dilakukan oleh Kerajaan untuk mengelakkan kesesakan jalan raya yang teruk terutamanya lebuhraya Utara-Selatan dan Pantai Timur di musim-musim perayaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya sememangnya mengambil maklum mengenai isu kesesakan di jalan dan lebuhraya, khususnya semasa musim perayaan tertentu di negara ini. Keadaan ini disebabkan oleh peningkatan jumlah aliran trafik yang tinggi berbanding kebiasaan berikutan pengguna mengambil peluang untuk keluar secara hampir serentak pada sesuatu masa, terutama pada musim perayaan atau cuti persekolahan. Sehubungan itu, beberapa strategi dan langkah proaktif telah diambil oleh kementerian ini dengan kerjasama agensi-agensi lain yang berkaitan, bertujuan bagi memastikan para pengguna menikmati perjalanan yang lebih lancar dan selesa semasa tempoh tersebut.

Di antara langkah-langkah untuk mengurangkan kesesakan semasa musim cuti persekolahan dan perayaan tersebut ialah seperti berikut:

- (1) Mengeluarkan jadual tempoh perjalanan sebagai panduan kepada pengguna untuk merancang masa perjalanan mereka;
- (2) Meningkatkan fasiliti dan tahap kemudahan di kawasan Rehat dan Rawat (RscR);
- (3) Mengarahkan syarikat-syarikat pembinaan/konsesi untuk menghentikan kerja-kerja pembinaan atau naik taraf jalan semasa tempoh tersebut;

- (4) Mengehadkan kenderaan-kenderaan berat dari menggunakan lebuh raya untuk tempoh hari tertentu semasa musim perayaan;
- (5) Menambah bilangan petugas dan kakitangan di plaza tol di samping mewujudkan sistem kutipan tol berlapis bagi memastikan kelancaran transaksi tol;
- (6) Menambah kekerapan rondaan oleh Skwad Rondaan syarikat-syarikat konsesi lebuh raya bagi membantu melicinkan pergerakan aliran trafik;
- (7) Menggalakkan pengguna untuk menggunakan sistem bayaran secara elektronik (Touch SC Go dan Smart Tag) di plaza- plaza tol;
- (8) Membuat hebahan mengenai cadangan penggunaan jalan alternatif kepada pengguna menerusi media massa dan papan-papan tanda elektronik;
- (9) Melaksanakan sistem laluan kontra (*contraflow*) dan penggunaan lorong kecemasan di lokasi-lokasi tertentu di lebuh raya; dan
- (10) Bekerjasama dengan pihak penguatkuasaan seperti Polis Trafik dan Jabatan Pengangkutan Jalan bagi memastikan aspek penguatkuasaan undang-undang di lebuh raya sentiasa dipatuhi oleh pengguna.

Sebagai langkah jangka panjang, pihak Kementerian Kerja Raya mempunyai perancangan untuk menambah kapasiti laluan di Lebuhraya Utara Selatan bagi seksyen Shah Alam - Rawang - Jalan Duta dan Nilai (U) - Sg. Buloh dengan cadangan untuk melaksanakan kerja-kerja menaik taraf dan membina lorong keempat. Manakala bagi Lebuhraya Pantai Timur Fasa 2 pula, kerja-kerja pembinaan bagi jajaran antara Jabor, Pahang ke Kg. Gemuroh, Terengganu sedang dalam

pelaksanaan.

Sekian, terima kasih.